Anugerah Persuratan 2015

SIDANG EDITOR

JUFFRI SUPA'AT
MOHD RAMAN DAUD
SA'EDA BUANG

Kandungan

AHLI MBMS BAGI PENGGAL 2014-2016	1
SEKAPUR SIRIH	3
SEULAS PINANG	4
ANUGERAH TUN SERI LANANG	6
ANUMERTA TUN SERI LANANG	7
ANUGERAH HARAPAN	8
ANUGERAH KHAS	9
KRITERIA PENILAIAN KARYA	10
LAPORAN PENILAIAN KARYA	12
PENERIMA ANUGERAH PERSURATAN 2015	41
PANEL PENILAI	45
MENJUNJUNG BUDI	57

Ahli MBMS Bagi Penggal 2014~2016

Pengerusi

Encik Masagos Zulkifli
Menteri Sekitaran dan Sumber Air
Pengerusi MBMS (2012-2015)

Profesor Madya
Dr Muhammad Faishal Ibrahim
Setiausaha Parlimen
Kementerian Pendidikan &
Kementerian Pembangunan Sosial dan
Keluarga
Pengerusi MBMS (Disember 2015-)

Timbalan Pengerusi

Profesor Madya Dr Hadijah Rahmat
Pemangku Ketua / Timbalan Ketua
Kumpulan Akademik Bahasa dan Budaya Asia
Institut Pendidikan Nasional (NIE),
Universiti Teknologi Nanyang (NTU)

Setiausaha Kehormat

Encik Tajudin Jaffar
Penolong Pengarah Bahasa Melayu dan
Pakar Kurikulum Kanan
Unit Bahasa Melayu,
Kementerian Pendidikan

Timbalan Setiausaha

Encik Juffri Supa'at
Pustakawan Kanan
Lembaga Perpustakaan Negara

Ahli Jawatankuasa

Encik Zaqy Mohamad
Anggota Parlimen
GRC Chua Chu Kang

Dr Intan Azura Binte Mokhtar
Anggota Parlimen
GRC Ang Mo Kio

Encik Ibrahim Hassan
Editor Eksekutif
Berita Bahasa Melayu dan Ehwal Semasa,
MediaCorp News Pte Ltd

Encik Mohd Saat Abdul Rahman
Editor
Berita Harian/Berita Minggu
Singapore Press Holdings

Dr Azhar Ibrahim Alwie
Zamil Pelawat
Jabatan Pengajian Melayu,
Universiti Nasional Singapura (NUS)

Encik Sujimy Mohamad
Pengarah Urusan
Screenbox Pte Ltd

Puan Rahayu Mahzam
Anggota Parlimen
GRC Jurong

Encik Omar Ismail
Pengerusi
MESRA, Persatuan Rakyat

Dr Jazlan Joosoph
Pakar Obstetrik dan Ginekologi,
Raffles Women's Centre, Hospital Raffles

Encik Abdul Harris Sumardi
Naib Presiden
Persatuan Guru Bahasa Melayu

Dr Imran Tajudeen
Penolong Profesor
Jabatan Seni Bina, Universiti Nasional
Singapura (NUS)

Encik Hassan Salleh
Naib Presiden
Divisyen Siaran Melayu,
MediaCorp Pte Ltd

Encik Elmi Zulkarnain Osman
Pensyarah
NACLI, Persatuan Rakyat

Encik Muhammad Herwanto Johari
Guru
Sekolah Menengah Naval Base, dan
Ahli Angkatan Sasterawan '50 (ASAS50)

Sekapur Sirih



PROF MADYA
DR MUHAMMAD FAISHAL IBRAHIM
Pengerusi
Majlis Bahasa Melayu Singapura (2015-)
Setiausaha Parlimen
Kementerian Pendidikan dan
Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga

Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) telah menganjurkan Anugerah Persuratan sejak tahun 1993. Kegiatan dwitahunan ini merupakan usaha berterusan Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) untuk mengiktiraf para penulis watan yang bergiat dalam bidang persuratan Melayu.

Bidang persuratan dan kesusasteraan merupakan suatu aspek yang penting dalam pembangunan bahasa Melayu. Penglahiran dan penciptaan karya-karya sastera memberi ruang untuk para penulis menggunakan bahasa dan sekaligus turut menyumbang dalam memperkayakan bahasa Melayu.

Kini terdapat pelbagai kemudahan untuk para penulis menerbitkan karya-karya mereka sama ada melalui elektronik ataupun dicetak secara tradisional. Terdapat juga geran-geran bagi membantu para penulis dalam usaha penerbitan ini.

Selain itu, Majlis Bahasa Melayu Singapura dan Majlis Kesenian Kebangsaan (NAC) juga menghantar para penulis kita ke bengkel-bengkel penulisan sama ada di peringkat rantau atau antarabangsa supaya bakat penulisan mereka dapat dipertajamkan.

Akhir kata, tahniah diucapkan kepada semua penulis dan syabas kepada para penerima anugerah di majlis Anugerah Persuratan pada kali ini.

Menurut kalangan pujangga, terdapat tiga jenis masyarakat menurut masa - yang ditinggalkan, seiring dan mendahului masa.

Bagaimana pula dengan orang Melayu Singapura?

Kita bertuah, setidak-tidaknya dari segi persuratan.

Hakikatnya, kita dapat melestari dan memajukan persuratannya sedang watan ini menyambut ulang tahun setengah abad kemerdekaannya atau dipanggil SG50.

Pencapaian ini memang luar biasa kerana sewaktu Singapura berpisah daripada Malaysia yang membawa kepada kemerdekaannya pada 1965, masa depan minoriti Melayu yang terbelakang di sini, termasuk bahasanya, amat menimbulkan keprihatinan.

Seyogia, bahasa dan budaya Melayu serta agama Islam merupakan penanda jati diri majoriti rumpun Melayu, termasuk di Singapura.

Kekuatan kita ialah kesedaran lewat bahasa dan persuratan telah lama berakar di sini sejak zaman Mohd Eunos Abdullah (1876-1933) mencanangkan azam kesedaran dan tindakan.

Sesudah merdeka, kalangan penulis atau sasterawan kita, khususnya Angkatan Sasterawan '50, telah mengambil prakarsa yang berani dan bijak iaitu Perkampungan Sastera pada 4 dan 5 Ogos 1973 di Khemah Percutian Tanah Merah Besar.

Pertemuan itu bukan saja telah melahirkan gagasan Hadiah Sastera, malah membulatkan semacam tekad yang luar biasa di sebalik keadaan serba kekurangan iaitu memastikan wujudnya kegiatan penilaian karya sastera dan pengiktirafan penulis.

Dari Jawatankuasa Bersama Hadiah Sastera, acara ini kemudian diambil alih oleh Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu dalam sekitar sedekad.

Ternyata masalah dana dan sokongan tenaga sering menghambat usaha murni ini.

Setelah Majlis Pusat mengalami kesukaran, tampil Jawatankuasa Bahasa Melayu Singaura (JBMS) yang kemudian dikenali sebagai Majlis Bahasa Melayu Singapura untuk meneruskan Hadiah Sastera telah dinatar (naik taraf) sehingga terbentuk pengiktirafan yang cukup bermakna seperti hari ini.

Selain menyanjung daya kreatif dan kekuatan bahasa serta kegigihan penulis, satu aspek yang sering dilupakan ialah mereka yang berkhidmat di belakang tabir - sama ada penulis atau sekadar peminat belaka. Inilah antara unsur daya tahan MBMS.

Sewaktu perjalanan awalnya, MBMS telah kehilangan Mohd Almuddin Hashim (meninggal 1996), seorang penterjemah bertauliah, aktivis masyarakat dan pemuka persuratan Melayu. Selaku setiausaha JBMS dan diikuti MBMS, baktinya cukup besar dalam memperteguh asas bukan saja

menjayakan Bulan Bahasa, malah juga Anugerah Persuratan.

Tahun ini pula, guru pesara Mohd Naim Daipi, 64 tahun, berpulang secara mengejut ketika mewakili Singapura pada sidang Majlis Bahasa Brunei,Indonesia dan Malaysia di Brunei pada 13 April lalu.

Bakti Cikgu Mohd Naim, mantan adiguru (master teacher) yang pertama di negara ini, ternyata besar dan bermakna dalam bidang kerjaya guru bahasa Melayu. Begitu juga curahan jasanya sepanjang laluan Majlis Bahasa Melayu Singapura sejak 1990-an.

Dalam peribahasa Melayu, terdapat ungkapan 'bidan terjun'. Ertinya, menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu (Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia) - orang yang diminta melakukan pekerjaan secara mendadak kerana orang yang sudah ditugaskan terlebih dahulu tidak hadir atau menghadapi kesulitan.

Begitulah kedudukan yang fakir ini dalam mengisi kekosongan sesudah berpulang Cikgu Naim yang terkenal gigih dan teliti dalam berusaha.

Namun atas permohonan kawan-kawan daripada MBMS dan sokongan akhbar Berita Harian, saya sanggupi juga dengan bantuan kawan-kawan untuk mengisi apa yang terdaya antara Mei sehingga November ini.

Apa jua kekurangan dalam menjayakan kegiatan Anugerah Persuratan tahun bersejarah ini merupakan antara lain tanggungjawab dan kesilapan fakir ini. Tentulah yang terbaik ditentukan oleh Ilahi jua.

Apakah laluan masa bagi MBMS, khususnya Anugerah Persuratan?

Tentulah pengiktirafan ini diharap tidak sekadar di watan saja, tetapi kesannya membawa ke peringkat serantau dan persada dunia. Iaitu, suatu masa nanti karya yang menerima anugerah MBMS didapati juga bermutu tinggi sehingga diiktiraf dunia.

Sejak MBMS atau Singapura menjadi anggota penuh Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera) tiga tahun lalu dan berjaya menjadi tuan rumah persidangannya di sini tahun ini, harapan ini terbentang luas.

Pun harapan ini tentulah menuntut usaha gigih para sasterawan kita untuk menghayati seluruh kehidupan di dunia ini dalam pengaryaan yang disampaikan dalam bahasa Melayu nan indah lagi berisi.

Mudah-mudahan. Salam takzim.



MOHD RAMAN DAUD
Pengerusi Anugerah Persuratan 2015

Anugerah Tun Seri Lanang

HJ JOHAR BUANG (1958 -)

Menyusuri jejak Jalaluddin Rumi dan Hamzah Fansuri, saudara taburkan haruman puisi sufi di persada rantau ini.

Walaupun hanya berpendidikan menengah, saudara bertekad mengisi nuranimu dengan pancaran ilmu tasauf dengan berguru di sana sini dan membuat kajian teliti.

Maka, lahirlah puisi indahmu, "Ayan Kekasih" yang menambat hati ramai lebih tiga dekad lalu.

Sejak itu, saudara tidak berpaling lagi tetapi terus mencermati kehidupan insan dalam suasana perubahan kota, persoalan alam sekitar dan peri perlu mengenang kasih Sang Pencipta di sebalik tabir rahsia dan kehalusan.

Citra senimu menjulang erti kebenaran dan menyorot kepura-puraan dalam kehidupan yang mungkin tampak polos pada permukaannya, tetapi amat dalam lubuknya.

Selain mencoret pelbagai cerpen dan catatan perjalanan kalbu, puisimu terus berbicara dengan halus dan menusuk jiwa sehingga sebahagiannya telah meraih pengiktirafan di nusa dan rantau ini.

Kumpulan karyamu dari Kisah Seorang Zahid, Dinding-dinding Kaca, Hari Terakhir Seorang Sufi, Tujuhpuluhribu Hijab, Ole-ole dari Tanah Suci, Sahara, Berjalan di Atas Udara, Cinta Pohon Tamar, Cahaya di Negeri Ini, Perahu Melayu di Lautan Khulzum, Sampai di Singgahsana Cinta, Pasar Diri sehingga antologi bersama dengan penyair serantau, Embun Tajali, menjadi bukti pencapaian kental.

Dalam kehidupan sebuah negara kota raya yang kecil dan pesat, saudara terus menghimbau erti manusiawi dalam kesederhanaan dan kebersamaan.

Puisimu tidak menganjurkan hidup menyendiri atau mengajak pembacamu lari daripada hakikat hidup yang perih. Nilai-nilai kesejagatan dan menggesa insan mengenal diri merupakan seruanmu.

Jelas sekali puisimu menganyam erti kehidupan lewat pengamatan dan perenungan yang tajam pada hening dinihari menjelang subuh.

Malah, usaha saudara dengan bantuan setia isterimu telah membawa puisimu yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris merentas sempadan antarabangsa.

Semoga dengan penghargaan ini, saudara akan terus gigih berkarya lebih indah selagi hayat mengizinkan.

Anumerta Tun Seri Lanang

ALMARHUM HJ ABDUL HAMID AHMAD (1926-2011)

Warisanmu kepada khazanah seni bangsawan tanah air masih dikenang sehingga kini.

Pada zaman perih pendudukan Jepun, bakatmu terserlah sebagai penterjemah dan pemuka seni bela diri kendo yang kemudian bertapak di negara ini.

Menyedari kesengsaraan bangsa dalam membina harga diri yang terjajah, saudara memupuk jiwa sebagai pencinta bahasa dengan pengkaji puisi lama dan budaya.

Karyamu menyeri akhbar dan majalah sejak 1950-an dan selanjutnya namamu dikenali sebagai pengacara sambilan di radio. Kepakaranmu dimanfaatkan sehingga ke Radio dan Televisyen Brunei Darussalam.

Ketekunan saudara terpapar pada menganyam puluhan skrip bangsawan dengan mengkaji karya-karya para tokoh daripada Khairuddin sehingga "Bapa Bangsawan" Sharif Medan dan Pengarah S.Kadarisman.

Sedang para tokoh bangsawan yang lain pudar oleh arus masa, saudara bangkit menyambung kisah bangsawan yang ke udara di corong radio, membawanya ke televisyen dan kembali ke pentas.

Dengan azam besarmu mendirikan badan seni, Sri Anggerik Bangsawan, saudara telah membangun bakat pelapis dan seni pengaryaan di sela-sela kemajuan pesat watan ini dengan mementaskan "Bispu Raja" ke "Sang Rajuna Tapa".

Saudara telah membuktikan betapa seni lama yang kian dilupakan ini dapat dihidupkan lewat kegigihan mengasuh mahasiswa dan guru pelatih di menara gading sehingga kumpulan teater.

Baktimu menyongsong pencerahan dan perutusan gemilang dalam mengembangkan tamadun bangsa dan tanah air. Sesungguhnya, saudara meninggalkan pesan yang malar segar:

Benang sutera sulaman kain,
Kain dipakai raja puteri;
Biar berada di rantau yang lain,
Budaya dan bahasa penyuluh diri.

Anugerah Harapan

HASSAN HASAA'REE ALI (1979-)

Saudara kagum dengan karya-karya Hamka, Pramoedya, Masuri, Suratman dan mereka yang telah menggugah minda dengan pena. Tidak kira mereka anak jati negara tercinta mahupun warga sastera dunia.

Ketika saudara remaja yang meniti gejolak rasa darah muda, terlahir karya "Romeo, Juliet, Rashid dan Anna". Saudara mengisahkan dua insan bercinta. Karya saudara itu merangkul hadiah sayembara Pena Bakti anjuran Kelab Coretan Remaja satu setengah dekad lalu.

Ketika saudara melayan minda kreatif ketika berada di negara jiran, lahirlah cerpen "Gadis Sam-Sip-Ha".

Cinta kepada sastera terus subur dan saudara bukan dari kalangan yang berpeluk tubuh dan puas dengan kejayaan yang diraih. Saudara meneroka genre dan tema yang berbeza. Itu cabaran kata saudara.

Terlahirlah "Au Revoir Madinah" dan "Tetamu dari St Petersburg". Saudara meneroka gaya dan tema yang berbeza. Tak kenal maka tak cinta. Begitulah eksperimentalnya gaya saudara.

Kalau eksperimental yang dicita, tercipta karya, cereka Sains menyerlahkan ilham saudara dan "Al Kimia", "Amnesia", "Homeostasis" dan "Souvenir dari Angkasa Lepas" manifestasi menjadi bukti. Dalam "Selamat Malam Caesar", saudara menitiskan dakwat pena,

"Bila Caesar bercakap, semua mendengar; bila Caesar berbual, semua diam".

Doa kami agar masa depan sastera negara dapat saudara lestarikan dan pertingkatkan. Di pundak saudara, kami meletak harapan. Harapan agar dapat kita kukuhkan dan kembangkan keindahan sastera bangsa kita.

Di ruang hotel ini, berhadapan tetamu jemputan dan para penulis,

Anugerah Harapan pada tahun 2015 diberikan kepada Hassan Hasaa'ree Ali.

Anugerah Khas

DR YANG QUEE YEE (1931-)

Lebih setengah abad, saudara menghabiskan lebih separuh usia menghasilkan pelbagai kamus untuk murid sehingga sarjana, dan turut menterjemahkan teks klasik Melayu ke dalam bahasa Cina.

Walaupun dilahirkan di dalam sebuah keluarga penoreh getah di Pontian, Johor, dan mendapat pendidikan bahasa Cina dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat ijazah Sajana Muda, namun minatmu pada bahasa dan persuratan Melayu cukup menyerlah sejak remaja.

Saudara pernah mengalami zaman perih ketika penjajahan British. Namun, semangatmu tidak pernah luntur untuk berjaya dalam pendidikan di Singapura sehingga meraih ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi daripada Universiti Nanyang dan selanjutnya ke Universiti Indonesia.

Malah masalah siasah telah mengakibatkan jawatanmu sebagai pensyarah di Universiti Nanyang dilucutkan. Pun detik ini saudara terima untuk lebih tabah menjadi jambatan antara rumpun Cina dan Melayu dengan meningkatkan usaha dalam bidang perkamusan.

Dibantu isteri nan setia, ketulusan dan ketelitianmu pada lapangan yang sukar ini merupakan bakti besar dalam bidang interaksi budaya Melayu-Tionghua yang dapat disusur sejarahnya sejak awal abad ke-15 Masihi.

Pelbagai penghormatan dari sejauh China dan negara jiran telah saudara terima sebagai mengenang baktimu yang besar dalam bidang perkamusan.

Kini, izinkanlah kami pula merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada saudara atas jerih payah dan pengorbanan menyerlahkan kajian, tulisan dan perkamusan hubungan persuratan dua rumpun.

Kriteria Penilaian Karya

KONSEP

Anugerah Persuratan dilaksanakan dengan objektif berikut:

i. memberikan pengiktirafan kepada para penulis yang telah menghasilkan karya yang bermutu dan bernilai;
ii. meningkatkan dan memupuk perkembangan penulisan dalam kalangan penulis berbahasa Melayu;
iii. menggalakkan penerbitan karya yang bermutu; dan
iv. memasyarakatkan bidang persuratan.

KATEGORI PENILAIAN

Anugerah Persuratan telah memutuskan enam bidang utama untuk dinilai, iaitu:

Sajak/Puisi
Sajak Eceran
Kumpulan/Antologi Sajak

Cerpen
Cerpen Eceran
Kumpulan/Antologi Cerpen

Drama/Skrip
Drama skrip
(Drama Pentas/Radio/Televisyen/Filem)
Kumpulan/Antologi Drama
(Drama Pentas/Radio/Televisyen/Filem)

Novel
Novel

Esei/Kritikan
Esei/Kritikan Sastera Eceran
Esei/Kritikan Bukan Sastera Eceran

Kumpulan Esei/Kritikan Sastera
Kumpulan Esei/Kritikan Bukan Sastera

Buku Kajian
Buku Kajian Sastera
Buku Kajian Bukan Sastera

KRITERIA KATEGORI

Kriteria Kategori merujuk kepada karya **Eceran** dan karya dalam bentuk **Buku** yang terbit sepanjang tahun 2013 dan 2014.

Kategori Eceran

Karya Eceran terdiri daripada sebuah teks yang disiarkan dalam tahun penilaian melalui akhbar, majalah atau jurnal. Sesebuah teks itu juga boleh dinilai berdasarkan penerbitan yang bercorak pementasan (bagi Drama Pentas), penyiaran (bagi Drama Radio) dan Drama Televisyen dan Filem.

Kategori Buku

Novel - Novel yang diterbitkan dalam tahun penilaian.

Kumpulan/Antologi - 'Kumpulan' bererti koleksi penulis perseorangan.

'Antologi' pula ialah koleksi karya bersama penulis yang lain. Sama ada kumpulan atau antologi, buku berkenaan hendaklah mengandungi tidak lebih daripada dua pertiga karya-karya yang telah disiarkan dalam tempoh lima tahun (termasuk karya-karya yang diterbitkan dalam tahun penilaian). Buku tersebut juga masih boleh dinilai jika dimuatkan dengan karya-karya yang pernah memenangi Hadiah Anugerah Persuratan atau Hadiah Penghargaan yang lalu tetapi tidak boleh melebihi 10% daripada kandungan keseluruhan buku tersebut.

Kajian - Buku kajian sastera atau kajian bukan sastera yang dikerjakan secara perseorangan atau kolektif yang diterbitkan dalam tahun penilaian.

DASAR PENILAIAN

Penilaian AP2015 pada dasarnya ditujukan pada teks atau karya asli yang berbahasa Melayu. Karya berkenaan dihasilkan oleh warganegara Singapura yang diterbitkan pada tahun 2013 dan 2014, sama ada di Singapura atau di luar negara. Penerbitan bentuk buku harus memiliki izin terbit ISBN untuk menentukan kesahihannya.

Kriteria Umum Penilaian

Sesebuah karya dianggap mencapai taraf terbaik jika karya itu memiliki beberapa ciri antaranya:

- Kekuatan dan Kemantapan
- Keistimewaan dan Keunggulan
- Keaslian Subjek
- Kedalaman dan Matang
- Keseimbangan Estetika
- Nilai-nilai Moral
- Inovasi dan Kreativiti

Bidang	Bentuk Eceran	Bentuk Buku
Sajak/Puisi	3 hadiah (@$1,000)	1 hadiah (@$3,500)
Cerpen	3 hadiah (@$1,000)	1 hadiah (@$3,500)
Drama • Pentas • Radio • Televisyen • Filem	4 hadiah (@$1,000)	1 hadiah (@$3,500)
Novel		1 hadiah (@$3,500)
Esei/Kritikan Sastera	3 hadiah (@$1,000)	1 hadiah (@$3,500)
Esei/Kritikan Bukan Sastera	3 hadiah (@$1,000)	1 hadiah (@$3,500)
Kajian Sastera		1 hadiah (@$3,500)
Kajian Bukan Sastera		1 hadiah (@$3,500)

Berdasarkan saranan para penilai, Hadiah Penghargaan diberi kepada karya-karya yang dianggap bermutu tetapi tidak sampai ke tahap Hadiah Anugerah Persuratan. Jumlah hadiah yang diberi ialah $500 untuk bentuk eceran dan $1,000 untuk bentuk buku.

Laporan Panel Penilai

Sajak

PENDAHULUAN

Kebelakangan ini, semakin timbul puisi-puisi yang mempunyai jangkauan sejagat, berharapan dan berpotensi untuk maju pada masa hadapan. Secara umumnya, puisi-puisi tersebut mampu berkiprah dalam mencakupi isu-isu domestik dan global. Melalui rangsangan dan nyalaan daya kreativiti penulis, karya-karya ini memainkan peranan dalam mencorak, memantap mahupun memberi nilai terhadap alam kepen yairan di Singapura. Sejumlah 422 buah karya telah disertakan untuk tahun penilaian kali ini. Antara karya-karya tersebut, 415 buah karya berbentuk eceran dan 7 buah karya berbentuk buku.

PENYERTAAN

Jumlah penyertaan yang memberangsangkan ini membayangkan suatu perkembangan yang segar. Tema-tema yang diangkat mengungkap persoalan yang pelbagai; iaitu yang berkaitan dengan kemanusiaan, kehidupan dan kerohanian. Terdapat berapa sajak yang bersifat oda dan ada juga yang bersifat musiman; iaitu sempena sesuatu perayaan, sambutan ataupun membicarakan pemikiran atau sikap yang tercetus daripada peristiwa atau situasi semasa. Secara keseluruhannya tema-tema yang ditampilkan menunjukkan kepekaan penulis dan peluahan kreativiti mereka terhadap isu dan persoalan dalam kehidupan. Karya-karya yang disertakan untuk penilaian Anugerah Persuratan 2015 (Bahagian Sajak) dikategorikan kepada kategori eceran dan kategori buku (kumpulan puisi). Tiada penyertaan dalam bentuk antologi.

Dalam kategori eceran, panel penilai mendapati kemunculan beberapa orang penyair mapan seperti Hamed Ismail, Rohman Munasip, Peter Augustine Goh, Rasiah Halil, di samping kumpulan penyair generasi pertengahan seperti Noor Hasnah Adam, Ahmad Md Tahir, Syafiq Selamat dan Noridah Kamari. Terdapat juga penampilan penyair-penyair berpengalaman seperti Azizfakir, Mibarzo, Eunosasah, A. Wahab Hamzah. Sebagaimana kelazimannya, karya daripada penulis-penulis terdahulu ini amat dialu-alukan kerana melorongkan arah untuk penulis-penulis lain. Penyertaan karya oleh penyair-penyair mapan menjelaskan daya tahan serta ketekunan mereka dalam bidang penulisan. Di samping itu, terdapat juga penulis-penulis baharu yang giat berjinak-jinak dengan dunia persajakan dan menunjukkan kesungguhan untuk menampilkan citra sendiri. Kemunculan ketiga-tiga kelompok penulis ini dalam tahun penilaian Anugerah Persuratan 2015 merupakan satu petanda baik bagi dunia persuratan kerana sumbangan mereka mampu mengisi keluasan dan keterbukaan jagat sastera di Singapura.

Berikut ialah karya-karya yang disertakan untuk penilaian:

Sajak Eceran	Kumpulan Sajak
415 buah karya yang tersiar dalam akhbar dan majalah.	1. Aisberg Kesimpulan 2. Balada Seorang Penyair di Pentas Bangsanya 3. Genta Cinta 4. Kastil Aisya 5. Menjelang Ulang Tahun Kekasih 6. Nota (Buat Wangsa dan Buanaku) 7. Suara Dalam

Secara keseluruhan, panel penilai mendapati jumlah penyertaan kali ini membayangkan suatu perkembangan yang sihat dalam arena persajakan. Namun, penyertaan secara kuantitatif tidak semestinya menjanjikan mutu karya yang baik. Panel penilai Anugerah Persuratan 2015 sentiasa peka pada dinamika penulis dan seyogia akan mengiktiraf pencapaian mereka melalui penilaian yang kritis. Sehubungan dengan itu, panel penilai memberi kepentingan terhadap mutu karya, dan bukan terhadap penulis karya.

PROSES PENILAIAN

Panel penilai telah membaca setiap karya dengan teliti dan proses pembacaan disusuli beberapa lapisan penyaringan yang rapi. Karya-karya tersebut dinilai melalui kriteria seperti berikut:

(a) Puitis sebagai hasil daripada kekuatan renungan, pemikiran dan pematangan.
(b) Memperlihatkan ketajaman sensitiviti, persepsi dan inovasi penulis.
(c) Mengandungi adunan daya imaginasi yang pepat, penghayatan, sublimisi dan kreatif.
(d) Keseimbangan kekuatan tekstual dan kontekstual menjadi keutamaan.
(e) Bukti kesungguhan penjagaan mutu karya dari segi teknis dan mekanis (suntingan).

Panel penilai merasakan bahawa secara keseluruhannya, sajak-sajak yang dinilai; baik yang dalam bentuk eceran mahupun yang dalam bentuk buku, mengemukakan persoalan dan amanat yang jitu, wajar dan relevan. Karya-karya tersebut menampilkan gaya kepenyairan yang terpelihara dari aspek estetika, serta diperkukuh oleh keprihatinan penyair menyingkap persoalan-persoalan tentang masyarakat, politik, budaya, bahasa, agama, nilai dan kemanusiaan sejagat. Isu yang kerap kali diangkat ialah permasalahan kemanusiaan dan politik sejagat. Beberapa karya yang berlanskapkan permasalahan di Palestin, jelas mengecam kekejaman Israel sambil menyatakan simpati terhadap pihak yang tertindas. Ada karya yang dapat menyampaikan mesej tersebut secara harmonis dan jernih manakala ada yang sebaliknya. Di samping itu, terdapat beberapa karya yang bersifat peribadi dan bernada melankolik. Dari sudut pembinaan pula, karya tersebut kurang mampu mengapungkan idea yang retorikal dan wacana yang kukuh disebabkan aspek ujaran yang kurang kemas, diksi yang lemah dan kalimat bahasa majaz yang klise.

Dalam dasar pemilihan, proses penyaringan dijalankan dengan teliti agar karya-karya yang dicalonkan memenuhi kriteria yang gariskan dalam penilaian. Secara umumnya, sajak yang bermutu dilihat dari segi kehadiran seni dan falsafahnya, menghidangkan ramuan yang indah dan bijaksana, terucap dalam wacana yang mengalir ke laman minda khalayak. Panel penilai telah memperakukan tiga buah karya eceran dan dua karya bentuk buku* sebagai penerima hadiah persuratan. Ketiga-tiga karya tersebut adalah:

Hadiah Persuratan – Sajak (Eceran)

1. "Amuk" karya Ciung Wirana
2. "Akhirnya Sebuah Cinta" karya Rafaat Hamzah
3. "Sandalmu Milikku" karya Kamariah Buang

Hadiah Persuratan – Sajak (Buku)*

Genta Cinta karya Peter Augustine Goh
Kastil Aisya karya Noor Aisya Buang

*Dua pemenang yang diperakukan akan mengongsi Hadiah Persuratan 2015.

ULASAN PANEL PENILAI

Untuk kategori sajak eceran, sajak "Amuk" oleh Ciung Winara menggarapkan pemaknaan

"Amuk" sebagai perlambangan dan dalam realiti kehidupan serta pemikiran. Sajak ini berupaya menonjolkan penghayatan penyair terhadap isu yang diketengahkan dengan kukuh dan berseni. Sajak "Akhirnya sebuah cinta" oleh Rafaat Haji Hamzah mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Penggunaan diksi yang sederhana tetapi segar begitu bijak disulam sehingga berjaya menimbulkan sentuhan jiwa yang mendalam. Puisi ini bersahaja sifatnya tetapi amat kreatif serta komunikatif. Puisi "Sandalmu milikku" karya Kamariah Buang mengetengahkan kedalaman nilai kemanusiaan dan keihsanan sebagai tali kasih yang mewajarkan kewujudan manusia. Sajak yang berseni dari segi pemilihan diksi dan berjaya mengetengahkan falsafah kehidupan yang murni.

Dua kumpulan sajak yang dihasilkan oleh dua generasi yang berbeza dijulang sebagai karya-karya yang wajar berkongsi Anugerah Persuratan 2015. Kumpulan sajak Genta Cinta karya Peter Augustine Goh menggarapkan kasus dan kemelut kemanusiaan dan sekali gus mengangkat mandala kerohanian/ketuhanan sebagai pelerai yang ampuh bagi kemelut tersebut. Secara menyeluruh, kumpulan sajak ini membuktikan kedewasaan corak penulisan dan kejituan pemikiran penyair yang dapat dipertahankan. Kumpulan sajak Kastil Aisya karya penulis muda yang amat berbakat, Noor Aisya Buang, menjanjikan pembacaan yang mempesonakan melalui pemilihan diksi yang ekonomis tetapi tepat serta mendalam pengertiannya. Jelas percubaan penyair menggunakan pendekatan yang agak sufistik tetapi dalam ruang realiti yang dapat dikongsi pembaca. Diharapkan penulis muda ini dan penulis-penulis seangkatannya akan terus menulis dan memberi sumbangan yang aktif dalam dunia persuratan di Singapura.

Panel Penilai:

Djamal Tukimin (Ketua)
Kartini Anwar
Sa'eda Buang

ULASAN PANEL PENILAI

Daripada 132 cerpen yang kami teliti, kami berpendapat pada umumnya kebanyakan tulisan cerpen tersebut masih tidak jauh bezanya dengan hasil tulisan cerpen yang kami temui dalam Anugerah Persuratan 2013. Kebanyakannya masih tidak menunjukkan kematangan dari segi moral, motif dan imaginasinya. Setelah melakukan pembacaan sebanyak beberapa pusingan, akhirnya, beberapa tulisan cerpen yang terdapat dalam senarai panjang kami yang ditulis oleh penulis-penulis yang produktif seperti Peter Augustine Goh, Anuar Othman, Patimah Jaludin, Hassan Hasaa'ree Ali, Wan Jumaiah Mohd Jubri, Osman Ismail, Yazid Hussein, Aisyah Mohamed Salim, Roslie Sidek, Md Salihin Sulaiman, Noridah Kamari dan Hafiza Talib itu menjadi tumpuan kami meneliti untuk menempatkan apakah di antara tulisan fiksyen tersebut dapat menerima Anugerah Persuratan pada tahun penganugerahan 2015 ini.

Perutusan dan tema yang diterokai oleh sebahagian kecil penulis cerpen ini, dari segi sejarah dan sains merupakan daerah baru oleh mereka, akan tetapi kekuatan persoalan atau maksud yang ingin disampaikan kurang berbobot. Yang demikian, sesetengah daripada tulisan fiksyen tersebut tinggal menjadi kisah khayalan yang cengeng. Sesetengah penulis yang menggunakan bentuk penceritaan "fable" agak hilang perutusannya apabila digunakan tulisannya itu sebagai bahan menunjuk-ajar khalayaknya. Tidak kurang pula sesetengah tulisan yang termasuk dalam kategori cerpen ini, lebih merupakan sketsa sahaja. Tulisan-tulisan sebegini kebanyakannya merupakan karya cerpen yang tersiar di ruang sastera akhbar kita. Ini menunjukkan bahawa perlunya akhbar tempatan memberi lebih perhatian dalam menggalakkan penulisan cerpen bermutu di negara kita. Untuk mengundang kepelbagaian tema dan pendekatan serta peluang pemilihan dari bilangan karya yang lebih besar, akhbar harus terus mengalu-alukan kiriman cerpen daripada pelbagai golongan penulis, termasuk yang jarang menulis mahupun yang baru hendak menulis, di samping mencanangkan dari masa ke masa apa yang dimahukan sebagai cerpen yang baik dalam ruangan sampingannya.

Bagaimanapun, akhirnya kami bersetuju agar tiga buah karya cerpen di bawah ini diberi Anugerah Persuratan bagi tahun pengadilan 2015.

- "Kerusi" karya Wan Jumaiah Mohd Jubri
- "Keretapi" karya Maarof Hj Salleh
- "Pagar" karya Peter Augustine Goh

ULASAN PANEL PENILAI: Cerpen (Eceran)

"Kerusi" karya Wan Jumaiah Mohd Jubri

Dalam cerpen ini, "kerusi" melambangkan "alat pemerintahan" yang adil, dan analogi serta perlambangan yang digunakan dengan baik menjadikannya sebuah cerpen yang boleh dipertahankan dari segi amanat. Cerpen ini mempunyai keistimewaan dari segi kreativiti/inovasi dan keseimbangan estetikanya. Juga, ada upaya dalam cerpen ini untuk mamadukan unsur historistik/mitologis dengan yang terkini dan futuristik (sebagai contoh: data arkib, penggodam, dll.; singkatnya, unsur teknologi siber)—eksperimentasi literari seperti ini yang membaurkan lalu-lintas intertekstual, menjungkir-balikkan hukum-hukum normatif yang menghadirkan yang lampau di masa kini semakin kelebatan dalam sastera kita.

"Keretapi" karya Maarof Hj Salleh

Cerita pendek yang menyingkapi genre *travelogue* yang berjaya menciptakan wilayah kembara yang diamati dan dikesannya dengan sangat elegan, berkepribadian, dan memiliki topangan kepekaan intelektual, pembahasan kritikus tentang budaya, sesuai sifat dan keunggulan teknik genre ini. Kita jarang terbaca cerpen Melayu yang berunsur *travelogue,* dan "Kereta Api" merupakan salah satu karya yang berhasil menunjukkan begitu banyak potensi kerentanan yang dimungkinkan oleh bentuk ini. Usaha *chronicle* yang berunsur fakta tidak kalah nilainya dengan estetika sastera dan kepintaran penulis beretorika dalam narasi yang disampaikan. Jika estetika adalah sesuatu yang istimewa, maka pengamatan serta kepekaan terhadap persoalan (seperti yang ditunjukkan penulis dalam cerpen ini) juga keistimewaannya yang lain.

"Pagar" karya Peter Augustine Goh

Kisah *parable* tentang isu pendatang di Singapura disampaikan melalui imejan, gambaran, citraan atau sosok yang lain dari yang pernah disuguhkan kepada kita sebelum ini. "Pagar" menggunakan bahasa yang puitis, canggih, dan kerana itu berjaya membangun bahasa imajinasi tersendiri yang khas, dan berjaya menyusun rangkaian pengucapan serta alegori yang tajam tapi sihat dan konstruktif.

ULASAN PANEL PENILAI: Kumpulan Cerpen

Ada tujuh buah kumpulan cerpen yang kami teliti: dua buah kumpulan terbit pada tahun 2013 dan lima buah kumpulan terbit pada tahun 2014, dengan jumlah keseluruhan cerpennya sebanyak 97 buah cerpen.

1. *Armageddon* (2013) karya Yazid Hussein, dengan jumlah 12 cerpen
2. *Selendang Sutera* (2013) karya Hafiza Talib, dengan jumlah 12 cerpen
3. *Mat Karipap* (2014) karya Roslie Sidek, dengan jumlah 10 cerpen
4. *Selamat Malam Caesar* (2014) karya Hassan Hassaa'ree Ali, dengan jumlah 12 cerpen
5. *Mencari Hidayat* (2014) karya Anuar Othman, dengan jumlah 20 cerpen
6. *Bayang-bayang Yang Hilang* (2014) karya Peter Augustine Goh, dengan jumlah 12 cerpen
7. *Air Mata di Arafah* (2014) karya Peter Augustine Goh, dengan 19 cerpen

Setelah kami tekun meneliti dan membahasnya dari berbagai-bagai sudut, kami dapati agak sukar bagi kami mencari sebuah kumpulan yang layak dimahkotakan sebagai sebuah kumpulan yang boleh diletakkan sebagai kumpulan yang terbaik dan layak untuk menerima Anugerah Persuratan bagi tahun penilaian 2015. Walau bagaimanapun, ada dua buah kumpulan cerpen yang kami anggap yang terkuat antara tujuh buah kumpulan di atas, akan tetapi kedua-dua kumpulan tersebut mengandungi kekuatan dan kelemahan masing-masing.

Keampuhan cerpen-cerpen dalam koleksi *Selamat Malam Caesar* terletak pada kreativiti dan inovasi penulisnya, keterampilannya menjelajah dunia cereka sains, juga kejayaannya mengembarakan imaginasi menuju ruang kemungkinan yang menjanjikan dalam dunia fiksi yang futuristik. Namun buku ini mengandungi kesalahan-kesalahan bahasa dan gaya pengucapan yang seolah-olah dialihbahasa langsung dari bahasa Inggeris.

Armageddon menyuguhkan inti dan gagasan cerita-cerita yang pelbagai, ada yang berpolemik memprovokasi, bersayap kiri dan subversif, ada yang lucu tapi dalam membuat kita ketawa juga mengundang kita untuk berkontemplasi dan berfikir, ada yang empatis memihak pada golongan yang hak dan eksistensinya dicurangi, dipinggirkan dan dikhianati. Keterampilan cerpen-cerpen dalam koleksi ini terletak pada kesanggupan dan kepandaian penulisnya mencipta gagasan dan menuangkannya dalam narasi yang bukan sahaja masuk akal—bahkan ada juga yang tidak masuk akal—tetapi sekaligus menyentak atau menggoncang emosi dan minda. Namun demikian, terdapatnya gaya penceritaan yang boleh dianggap berbelit-belit dan unsur 'menggurui' pembaca merupakan perkara-perkara yang menjejas keutuhan kumpulan cerpen ini. Keberkesanan nota kaki yang ada dalam beberapa cerpen dalam koleksi ini diragui dan dirasakan tidak perlu.

Oleh kerana itu, dua buah kumpulan tersebut, iaitu *Selamat Malam Caesar* tulisan Hassan Hasaa'ree Ali dan *Armageddon* tulisan Yazid Hussein akan berkongsi Hadiah Penghargaan.

Panel Penilai:

Suratman Markasan (Ketua)
Razif Bahari
Dewani Abbas

Anugerah Persuratan 2013















Persuratan 2013


Anugerah Persuratan 2015




Tetamu Terh
nat:


Persuratan





Anugerah Persuratan 2015
Hotel Grand Copth Waterfront
Manusia

PENDAHULUAN

Panel penilai bidang novel telah menilai sebanyak enam buah novel karya penulis watan, 4 telah diterbitkan di Singapura dan dua lagi di Malaysia pada tahun 2013 dan 2014. Berikut adalah senarai karya berdasarkan judul:

1. Antara Cinta dan Kekasih oleh Halim bin Hassan, terbitan Partridge Publishing, Singapura, 2014.
2. Cahaya Kasih oleh Peter Augustine Goh (Goh Mey Teck), terbitan Darul Andalus, Singapura, 2013.
3. Inche'Jamil Menantu Mithali oleh Norisah bte A. Bakar, terbitan Adiwarna Publications, Kajang Selangor, 2013.
4. Indahnya Hidayah-Mu oleh Hafiza bte Talib, terbitan Darul Andalus, Singapura, 2014.
5. Meniti Impian oleh Halim Hassan, terbitan Trafford Publishing, Singapura, 2013.
6. Pagi Semerah Daun Momiji oleh Leyla Syuri (Halela bte Abdul Razak), terbitan DBP, Kuala Lumpur, 2013.

Panel penilai telah menggunakan kriteria penilaian umum dan khusus yang disediakan oleh Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2015. Kriteria khusus untuk novel adalah seperti berikut:

a. Memikat bertunjangkan pengangkatan subjek yang relevan
b. Mampu menyerlahkan visi dan keadaan kehidupan dengan ketajaman pemikiran dan penggarapan yang diutarakan
c. Mencapai kesempurnaan daripada aspek naratif dan kesedaran tanggungjawab kontekstual
d. Mantap dan menunjukkan keyakinan terhadap pemilihan bentuk, corak, aliran dan teknik penulisan
e. Membayangkan pemahaman terhadap konteks konvensional, eksperimental dan pembaharuan dan sebagainya.

PENILAIAN

1. *Antara Cinta dan Kekasih* karya A. Halim Hassan.

Novel ini mengisahkan tentang Zulkifli, graduan muda Melayu Singapura lulusan BA universiti tempatan yang bertugas pada tahun 1985 sebagai penolong penerbit di sebuah syarikat Melayu. Zulkifli cenderung pada agama dan telah menunaikan ibadah haji dalam usia muda. Tugas kewartawanan mendedahkan beliau dengan perkembangan politik semasa yang mempengaruhi masyarakat Islam setempat dan antarabangsa. Beliau membina keluarga dan kerjayanya dengan baik di Kuala Lumpur dan akhirnya kembali ke tanah air untuk menjaga ibu dan mengambil alih syarikat bapa mertuanya sebagai Ketua Penerbit.

Naratif merupakan rentetan wacana mengenai kepimpinan Islam yang agak longgar walaupun tepat dari segi fakta dan kronologi. Cerita tidak dibangunkan

dengan perkembangan plot dan perwatakan yang baik atau berkesan. Malah, terdapat kecenderungan penulis untuk mengajar atau berdakwah melalui deskripsi laporan peristiwa dan dialog sepanjang cerita sehingga menjejas mutu seni karya.

2. *Cahaya Kasih* karya Peter Augustine Goh.

Novel ini mengambil tema permasalahan sosial dan cabaran hidup yang dihadapi oleh sebuah keluarga Melayu Singapura masa kini. Keluarga Amir Dahlan ini mula menghadapi masalah akibat perangai buruk Amir yang suka berjudi, berhutang, peminum dan menganggur. Sebaliknya, isterinya, Marlina, 38 tahun, seorang yang amat bertanggungjawab dan sanggup berkorban untuk suami dan anak-anaknya, malah telah mendermakan buah pinggangnya untuk menyelamatkan suaminya, sehingga menyebabkan kematiannya. Masalah keluarga Amir diberatkan lagi bila anak perempuannya, Sakinah, 15 tahun mendapat sakit jantung dan perlu mendapatkan derma jantung untuk hidup. Akhirnya, Amir insaf akan kesilapannya dan dia bersyukur dengan pertolongan Tuhan terhadap keluarganya.

Permasalahan sosial yang dikemukakan adalah relevan. Penceritaan agak menarik walaupun lebih terasa seperti cerpen yang diperpanjangkan, bukan berstruktur novel yang meyakinkan. Bahasa yang digunakan agak lancar namun plot cerita masih longgar. Sorotan watak agak permukaan dan mendatar. Tiada unsur pemikiran yang berbobot dan luas, hanya terdapat kesan peringatan dan moral dalam cerita yang agak biasa.

3. *Inche' Jamil Menantu Mithali* karya Norisah A. Bakar.

Novel ini menyorot kisah Nasuha, seorang wanita yang mengalami perubahan dari segi perwatakan atau cara hidupnya apabila berkahwin dengan Jamil. Sifat beliau yang malas dan tidak tahu melakukan kerja rumah, berubah atas bimbingan suaminya. Nasuha menjadi seorang isteri, ibu dan anak yang bertanggungjawab, sanggup berhenti kerja untuk menjadi suri rumahtangga sepenuhnya, dan menjaga dua orang adik, serta ibunya yang sakit angin ahmar sehingga sembuh. Akhirnya Nasuha dan suami dapat menemani ibu bapanya mengerjakan ibadah haji. Perubahan hidupnya berlaku dalam masa 10 tahun, dari tahun 1990 dan berakhir pada 2000. Cerita menyentuh masalah umum keluarga – cemburu antara adik beradik, masalah hubungan dengan ibu mertua dan ipar-duai, menjaga cucu, masalah kewangan dan tanggungjawab menjaga anak-anak dan ibu bapa serta didikan agama. Persoalan keluarga Melayu yang agak lumrah.

Novel ini mempunyai kekuatan dari segi penceritaan. Penulis seorang pencerita yang baik. Perubahan watak Nasuha juga baik dan meyakinkan. Bahasa lancar dan hidup. Ada diselitkan unsur humor yang ringan melalui sudut pandangan Nasuha. Pembaca dapat merasakan suara hati Nasuha dengan baik. Novel ini boleh dikategorikan sebagai novel yang mempunyai plot dan perwatakan yang baik. Bahasanya juga bersahaja, lancar dan menghiburkan.

Namun begitu, novel ini hanya berfokus pada dunia keluarga yang 'kecil agak sempit'. Ia dapat memenuhi cita rasa popular dan menjadi bacaan ringan. Pada umumnya, novel ini bukan renungan makna hidup yang mendalam. Perlukisannya secara agak permukaan dan tiada gagasan atau pemikiran yang berbobot atau mendalam. Karya lebih merupakan novel popular yang membicarakan persoalan domestik.

4. *Indahnya Hidayah* Mu karya Hafiza Talib.

Novel ini mengisahkan tentang watak Mariani, seorang isteri dan ibu yang mengalami berbagai-bagai dugaan hidup kerana tindakan suaminya, Ghaffar, yang mahu berniaga, tetapi suka berhutang, bersifat cemburu serta ingin mengahwini wanita yang membantunya. Akhirnya, Ghaffar dipenjara. Mariani pula menghadapi masalah kesihatan akibat sakit barah buah dada tahap dua. Di tempat kerjanya, Mahani mendapat satu lagi dugaan. Penyelianya, Fahrin, yang lebih muda darinya, jatuh cinta padanya; dan rakan-rakan sekerjanya pula suka mengumpat. Mariani terpaksa menjaga dua orang anaknya, Sumaiyah dan Fuad. Semua dugaan hidup telah Mahani hadapi dengan tabah. Dia meminta cerai, menolak cinta penyelianya dan dapat membesarkan anak-anak dengan baik, dengan menabung dan akhirnya anaknya, Sumaiyah, berpeluang melanjutkan pengajian di University College London. Cerita diakhiri dengan Mariani berangkat mengerjakan ibadah haji dan dihantar oleh anak-anak dan para kenalannya, termasuk Fahrin.

Unsur berhujah dalam novel sangat ketara. Terlalu banyak unsur didaktif dan menggurui. Nilai-nilai agama mahu diterapkan sepanjang cerita dan ini menjejas daya tarikan pembaca. Peleraian masalah agak mudah dan idealistik. Tiada gagasan atau pemikiran mendalam dan tajam yang diajukan. Plot yang dipaparkan agak longgar. Cerita bersimpang-siur dan agak mendatar. Pembinaan watak adalah lemah. Tiada penjiwaaan dan unsur seni. Tiada penguasaan teknik mengarang. Ini agak mengecewakan dan membimbangkan. Secara keseluruhan novel ini kurang mengujakan dalam pembacaan.

5. *Meniti Impian* karya A. Halim Hassan.

Penulis novel ini menjelaskan sendiri apa yang beliau ingin sampaikan dalam tulisannya melalui ruangan 'Kata Pengarang' di awal bahagian buku:-.

> " ...novel ini cuba memaparkan bagaimana masyarakat Melayu Singapura berdepan dengan perubahan yang berlaku di negara ini...meliputi aspek hidup seperti sosial, budaya dan politik masyarakat Melayu dan ia merangkumi lebih dari satu generasi. Isu utama yang ingin ditonjolkan di dalam novel ini adalah pengorbanan yang dibuat oleh masyarakat Melayu dalam proses pembangunan negara sebelum dan selepas merdeka." ("Kata Pengarang", h.i)
>
> "Satu lagi isu penting yang cuba dikemukakan adalah sumbangan masyarakat Melayu sebelum negara ini keluar dari Malaysia"
> ("Kata Pengarang", h.ii)
>
> "Isu ketiga yang ingin diketengahkan adalah kepercayaan atau trust di antara

masyarakat Melayu dengan pemerintah Singapura"
("Kata Pengarang", h.ii)

"Masyarakat Melayu telah menunjukkan daya tahan yang lasak untuk terus hidup di negara moden Singapura" (h.iii)

Penjelasan pengarang sendiri tentang mesej yang ingin disampaikan ini agak ganjil dan tidak mengikut norma penulisan para penulis novel atau fiksyen.

Penulis juga telah menjelaskan harapan yang ingin dicapai melalui karyanya:

"Mudah-mudahan masyarakat Melayu Singapura dengan didukungi para pemimpin yang berwibawa akan terus mengorak langkah untuk terus kekal relevan justeru ia memainkan peranan yang lebih penting dalam pembangunan Singapura" (h.iv)

Untuk mencapai mesej dan harapan tersebut, penulis telah melakarkan kisah hidup tiga orang watak utama, iaitu Ahmad, Sulaiman dan Hassan yang hidup dari tahun 1950-an sehingga awal tahun 1980-an. Melalui tiga watak ini, " novel ingin memberi gambaran tentang kehidupan orang Melayu Singapura yang meliputi segala suka duka, pahit maung mereka dalam menjalani hidup di Kota Singa pada ketika itu." (Kulit belakang buku)

Peristiwa dibentangkan secara kronologi, bermula pada 11 Disember 1950 dengan tragedi Natrah sehinggalah pada September 1982 apabila Yayasan MENDAKI dirasmikan. Terdapat beberapa peristiwa penting dalam tempoh ini. Kesimpulannya, hasrat penceritaan adalah tinggi, tetapi gagal sebagai novel kerana tiada plot atau perkembangan watak yang meyakinkan atau ampuh.

6. Pagi Semerah Daun Momiji karya Leyla Shuri

Novel ini menyorot sejarah sosial dan budaya antara dua negara iaitu Jepun dan Malaya semasa zaman Perang Dunia Kedua, zaman Pendudukan Jepun dan sesudah Jepun mengaku kalah, setelah dua kotanya Hiroshima dan Nagasaki dibom. Perang membawa kemusnahan dan menyebabkan keluarga terpisah, tetapi perang juga telah menemukan manusia yang berbeza budaya dan kepercayaannya. Perang mengajar manusia erti kehidupan dan semangat hidup. Faktor politik telah menyebabkan manusia berperang dan berkorban untuk meluaskan dan mempertahankan kuasa. Namun, pendedahan dan penghayatan pada budaya luar, menghapuskan rasa prejudis dan menimbulkan penghargaan dan kasih sayang sesama insan, biarpun berbeza agama, budaya dan negara.

Watak utama ialah Midori, remaja Jepun yang masih bersekolah menengah. Persekolahan Midori dan rakan-rakannya, Yuriko dan Akiko serta adik Midori, Taiyo, terhenti kerana perang. Abang Yuriko, Masatoshi telah dikerah menjadi askar untuk bertugas di Kelantan, Malaya. Ibu bapa Midori terbunuh dalam tragedi bom atom yang digugurkan di Hiroshima. Ibu Yuriko juga meninggal dunia akibat pengeboman ini. Midori dan adiknya, terpaksa meneruskan hidup dengan

berdikari membuka kilang menjahit kain dan membuka ladang. Midori berkongsi niaga dengan Yuriko. Malangnya, Yuriko meninggal dunia akibat barah darah kerana terdedah dengan radiasi bom atom.

Masato dan kumpulan tentera Jepun yang mendarat di Kelantan telah bertugas di sana. Masato telah melawan rakannya, Hideyuki, yang cuba bertindak ganas terhadap Ramlah, anak Pak Wahab. Akibatnya, Hideyuki mendendamnya sehingga Masato dipenjara dan tidak dapat pulang negeri. Kesan kekejaman Jepun berkekalan, biarpun pemerintahan Jepun sudah berakhir. Setelah British mengambil alih kuasa, Masato ditinggalkan oleh tentera Jepun, dan dia diselamatkan oleh Pak Mat Isa dan terpaksa menetap di Kelantan dalam perlindungan keluarga Pak Mat Isa. Masato akhirnya memeluk agama Islam dan bernikah dengan Mariah, anak Pak Mat Isa. Nama barunya ialah Ariffin Abdullah. Atas saranan bapanya, namanya menjadi Ariffin Kawamoto Masatoshi Abdullah!

Yuriko mencari abangnya dan akhirnya surat kirimannya diterima oleh Masato. Masato pulang ke Jepun ditemani Hassan, abang Mariah. Tetapi, beliau hanya menemui bapanya, sebab Yuriko sudah meninggal dunia, seminggu sebelum Masato pulang. Masato tidak dapat pulang segera kerana terpaksa menguruskan perniagaan Yuriko dan menjaga bapanya. Hassan mengatur supaya Mariah dapat datang ke Jepun. Kisah berakhir apabila Mariah selamat tiba dan bertemu semula dengan Ariffin.

Kekuatan Novel

Novel ini mempunyai beberapa kekuatan seperti yang berikut:

a. Naratif atau gaya penceritaan yang menarik, dengan perkembangan plot yang kemas dan lancar serta pembinaan perwatakan yang dalam dan meyakinkan.
b. Bahasa yang baik dan menyelitkan banyak kosa kata yang luas.
c. Unsur seni sastera yang menarik seperti puisi dan lagu diselitkan.
d. Tema perang dapat diungkapkan dengan seimbang dari sudut masyarakat Jepun dan masyarakat Melayu. Kedua-dua pihak menjadi mangsa politik.
e. Kritikan politik pada ketua tentera Jepun, yang mengarahkan tindakan kejam, dan tidak menyalahkan Maharaja Jepun. Mengkritik pengeboman atom yang terlalu kejam sehingga menyebabkan kematian dan kemusnahan berterusan selepas perang.
f. Sikap saling menghargai budaya satu sama lain – prejudis Masato terhadap orang Melayu berubah setelah mengetahui makna azan, pantun, bahasa, makanan dll. Begitu juga watak Hassan yang bertukar dan menghargai budaya Jepun setelah datang ke negara Jepun.
g. Lukisan keindahan alam dua negara, Jepun dan alam Melayu yang baik.

Kesan Novel

Novel ini sarat dengan nilai-nilai kemanusiaan. Ia menekankan nilai kasih sayang keluarga dan membina rasa penghargaan dan hubungan budaya Melayu-Jepun. Kedua-dua pihak dapat saling belajar dan mendapat faedah. Misalnya, Masato memperkenalkan tanaman tembakau yang menguntungkan keluarga Pak Mat Isa dan Hassan belajar berniaga kilang menjahit. Masato pula belajar tentang Islam dan budaya dan sastera Melayu. Selain membina rasa kekeluargaan, peranan agama sebagai mengukuh ukhuwah juga disertakan. Masato diterima mesra oleh masyarakat Melayu setelah beliau memeluk agama Islam. Ini mengikis prasangka dan perasaan marah masyarakat yang begitu kuat.

Novel ini juga memberi interpretasi atau perspektif yang segar tentang titik sejarah hitam yang dilalui oleh dua negara yang menjajah dan dijajah. Korban dan mangsa perang sebenar adalah rakyat atau orang kebanyakan. Perang, dendam dan permusuhan mestilah dielakkan. Kita harus membina persefahaman dan penghargaan pada berbezaan budaya dan keharmonian bangsa, agama dan negara. Nilai keharmonian budaya dan merentas agama ini adalah kekuatan novel ini. Ini adalah nilai sejagat yang wajar dialu-alukan.

Pada keseluruhannya, panel mendapati bahawa novel ini berjaya membuka dua jendela budaya yang positif. Ini adalah keistimewaan novel, yang telah membawa jendela novel Melayu ke tahap yang lebih luas, terbuka dan seimbang. Sebuah novel merentasi sejarah penting yang melanda dua negara, Jepun dan Malaya., iaitu pendudukan Jepun di Malaya dan ledakan bom atom di Hiroshima. Kedua-dua peristiwa besar ini menjadi latar belakang yang menaungi dan mewarnai perkembangan plot dan watak dalam novel. Penceritaan agak bersahaja dan lancar. Konflik zahir dan batin berjaya dipaparkan melalui ketegangan antara dendam dengan cinta pada watak-watak utama, yang sebenarnya merupakan penzahiran konflik budaya yang ketara dan kaya dari segi kesan dan perincian. Pagi Semerah Daun Momiji adalah novel serius yang baik dan mantap. Walaupun belum mencapai tahap "cutting-edge" atau bergarda ke hadapan, ia lengkap dan ampuh dari segi menawarkan penceritaan yang lancar dan memikat, estetika yang halus, di samping pemikiran yang luas dan mantap. Maka, novel ini sesuai untuk diberi Anugerah Persuratan.

KESIMPULAN

Pada keseluruhannya novel-novel yang dihasilkan sepanjang tahun penganugerahan telah memberi tumpuan pada kehidupan masyarakat Melayu Singapura dan Malaya yang menghadapi pelbagai masalah keluarga, sosial dan kepemimpinan. Kebanyakan novel ini memperlihatkan bahawa kesedaran agama dianggap sebagai suatu jalan keluar untuk menyelesaikan permasalahan yang dikemukakan. Namun begitu, mesej agama dan moral yang ghairah mahu disampaikan ini telah menjejas mutu novel-novel ini kerana tidak dapat disampaikan dengan teknik penulisan naratif yang kreatif dan

berkesan. Ini ditambah dengan lemahnya pengolahan plot, perwatakan serta peleraian masalah dan pemikiran yang mendukungnya. Ringkasnya, mengisi titik keseimbangan pada unsur-unsur seni sastera ini masih merupakan suatu cabaran yang perlu ditangani oleh para penulis dalam wacana novel ini.

Panel Penilai:

Isa Kamari (Ketua)
Hadijah Rahmat

Menangani 57 skrip drama dari genre-genre drama TV, radio, pentas, dan 3 buah buku drama, kami kali ini berdepan dengan persoalan penting dan genting – memahami konsep skrip terbaik atau skrip Anugerah Persuratan terbaik. Sekalipun pada dasarnya kedua-dua persoalan tersebut kedengaran mahupun kelihatan sama, namun, ia mempunyai perbezaan yang amat nyata dan penting.

Berlandaskan ini, panel juri bahagian drama menitik-beratkan unsur-unsur kesusasteraan yang tinggi nilai dan mutunya dalam penilaian kami. Unsur-unsur tersebut seperti yang berikut:

a. Skrip yang terbaik perlu memenuhi kriteria, keperluan dan tanggungjawab sebagai sebuah karya yang harus menjadi 'tauladan' terhadap penggunaan bahasa Melayu yang baik dan wajar dalam setiap karya, agar ia bukan sekedar bahan yang dimamah tanpa perisa bahasa, budaya dan pegangan masyarakat Melayu Islam amnya.
b. Skrip yang mempunyai ciri-ciri kesusasteraan yang baik juga haruslah mempunyai intipati penerapan sebuah naskah TV, radio, pentas mahu pun buku untuk dijadikan 'lencana' keunggulan penceritaan yang mantap dalam meladeni penulisan yang "mengorkestrasi" setiap rentak pembinaan plot yang munasabah, kemas, licin, tulen, segar dan yang terpenting 'asli'.
c. Kelainan dalam menerapkan unsur-unsur kesusasteraan dan penceritaan menjadi tunjang penilaian kami.
d. Panel tidak menolak sebarang penggunaan bahasa Inggeris sekiranya difikirkan sesuai dengan perwatakan dan suasana sesuatu adegan.

Sejajar dengan ini semua, penilaian mutlak kami, bertitik tolak dari tuntutan yang diterapkan untuk penilaian Anugerah Persuratan:

a. Mengangkat subjek yang menarik dan relevan dengan keadaan masyarakat, dan dicerna tanpa mengabaikan nilai-nilai estetika serta moral dan dapat meninggalkan kesan
b. Mantap dalam membangun unsur-unsur dramatik, dan menunjukkan keyakinan terhadap bentuk, corak, aliran dan teknik penulisan
c. Memahami konteks konvensional, eksperimental dan pembaharuan dan sebagainya.

Bertolak dari ini semua terdapat 17 drama TV, 15 drama radio, 22 drama pentas (teater), 3 skrip filem dan 3 buah buku drama dinilaikan

NASKAH DRAMA TV

a. Bingit Siri 2, Aku dan Avatar (Bahagian 1) oleh Wan Firzaleenazrah
b. Bingit Siri 2, Aku dan Avatar (Bahagian 2) oleh Wan Firzaleenazrah

Drama-drama TV (Bahagian 1 & 2) karya Wan Firzaleenazrah memacu keinginan kami

untuk menjadikannya sebagai kayu ukur. Kedua-dua skrip drama ini mendapat sorotan kami.

Namun lazim sekali, persoalan yang sering bermain dalam naskah-naskah TV seperti ini kami lihat tersusuk dek kepentingan "kekeluargaan", "tsunami keluarga", "letupan bunga-bunga cinta", tragedi cengeng yang tanpa disedari 'menyuap' masyarakat Melayu/ Islam yang dilanda 'ombak rindu' yang seolah-olah menjadi satu 'winning formula script' (teras kejayaan penciptaan naskah) yang ingin di'jadi-jadikan', diandai akan diterima penonton.

Para penilai ingin melihat ciri-ciri kekuatan yang lebih dari itu dalam naskah-naskah TV dan bukan sekedar tercetak untuk meladeni selera masyarakat yang rata-rata dahagakan kematangan naskhah dan kesegarannya. Dalam proses penilaian, para penilai juga mengimbas drama-drama TV lalu dan kini (baik tempatan mahu pun yang dibawa masuk) – namun kami sepakat tidak mahu naskah-naskah TV hanya sebagai wadah pembuai lamunan penonton yang dilanda gejolak keluarga, didendang cinta monyet, cinta hiburan semata-mata. Kami menganggap bahawa hiburan sebenar yang datangnya dari drama TV Melayu ialah penyisipan jiwa kerohanian sastera yang amat dibimbangkan penghakisannya.

Kesimpulannya, panel penilai mengangkat "Bingit Siri 2: Aku dan Avatar" (Bahagian 2) karya Wan Firzaleenazrah sebagai penerima Anugerah Penghargaan.

NASKAH DRAMA RADIO

a. "Cinta Seorang Sasterawan" karya Rohman Munasip
b. "Pohon Mangga di Tepi Pagar" karya Hamed Ismail
c. "Riwayatnya Terhenti" karya M Saffri A Manaf
d. "Salam dari Langit" karya M Saffri A Manaf
e. "Selindang Sayang" karya Hamed Ismail
f. "Sirih Pulang ke Gagang" karya Rohman Munasip

Keenam-enam naskah drama radio ini tersaring untuk diberi penilaian terakhir panel kami. Panel mendapati naskhah-naskhah tersebut menarik dengan tradisi penulisan setiap satu penulisnya yang memaparkan konflik-konflik sosial, keutuhan pendirian watak-watak serta pencernaan peningkatan 'plot' yang menanjak ke klimaks yang sederhana dan mudah digarap kesudahannya.

Sekalipun penggunaan bahasa baik, namun pengolahan plot yang 'lazim' menjejas kemantapan naskhah, begitupun sebaliknya. Perkembangan plot hanya dibantu dialog-dialog yang tidak kuat. Yang demikian, kekuatan naskhah-naskhah ini belum cukup terbina untuk diberi Anugerah Persuratan.

Dengan itu, panel penilai mengangkat "Riwayatnya Terhenti" karya M Saffri A Manaf sebagai penerima Anugerah Penghargaan

NASKAH DRAMA PENTAS (TEATER)

a. "Diam" karya Norsuryana Binte Mohd Norddin
b. "Kurun yang Hilang" karya Anwar Hadi Ramli
c. "Merdekanya Kita' karya Anwar Hadi Ramli
d. "Monolog Arba'a" karya Denhasan (Rafeyah A Rahman)
e. "NGACO" karya Atin Amat

Lima naskhah drama pentas yang tertera di atas berjaya ke peringkat terakhir proses penilaian kami. Rata-rata semuanya menunjukkan kekuatan pengarang mentafsir isu, menonjolkan pembinaan peristiwa demi peristiwa yang agak baik.

Namun, penyorotan unsur sasteranya agak lemah dan mungkin terabai. Pengolahan perbualan watak-wataknya jika diberi penekanan kepada penggunaan peribahasa, bidalan, kiasan, perumpamaan dan sebagainya mungkin dapat mengangkat naskhah-naskhah ini ke tahap yang lebih melengkapi sebuah naskhah Melayu yang utuh.

Panel penilai berkeputusan mengangkat "NGACO" karya Atin Amat sebagai penerima Anugerah Penghargaan

NASKAH FILEM

Dua skrip filem pendek yang diketengahkan dan sebuah lagi skrip filem yang panjang tidak memenuhi kriteria yang diharapkan dalam menerapkan persoalan, mesej, pergolakan dan perkembangan cerita yang kemas dan menarik. Yang demikian, panel mengambil keputusan bahawa tiada naskhah filem yang boleh diketengahkan sebagai naskah terbaik sekalipun untuk kategori penghargaan.

BUKU DRAMA

Dua buku drama mendapat perhatian kami di peringkat penilaian terakhir.

a. Antologi Merentasi Masa karya Yazid Hussein dan Norlila Abdul Ghani
b. Gerimis di Hati karya Hamed Ismail, Amanah Mustafi, Hartinah Ahmad dan Samsudin Said

Mengungkap laporan Jawatankuasa Program Melayu (MPAC), Media Development Authority of Singapore (MDA) pada tahun-tahun 2008/2010:

> "...tumpuan drama-drama tempatan harus diluaskan supaya dapat mengisi cita rasa khalayak penonton yang berbagai-bagai usia dan tidak tertumpu pada golongan belia sahaja."

Kenyataan ini menarik dan begitu mendalam perutusannya, sekalipun menurut laporan itu lagi:

> "Mutu drama TV tempatan DIKATAKAN telah meningkat sejak kebelakangan ini kerana mengandungi unsur-unsur kreatif dalam proses penghasilannya."

Kenyataan yang menarik. Namun, kami berpandangan bahawa tumpuan drama-drama tempatan belum meluas dan belum dapat mengisi cita rasa khalayak penonton yang berbagai-bagi usia dan hanya tertumpu pada golongan belia sahaja. Perimbangan yang tidak setara ini mengenjot pewarnaan unsur-

unsur sastera yang 'terabai' dan yang 'terhakis' dek kehidupan serba canggih yang jadi 'aura' mutakhir dalam drama-drama tempatan (termasuk naskhah-naskhah TV, radio, pentas, filem dan buku yang dinilaikan). Panel penilai belum dapat melihat kekuatan sastera wujud dalam buku *Gerimis di Hati* yang telah memenangi skrip dan drama terbaik pada Pesta Perdana ke-11 pada tahun 2011. Tiada terdapat naskhah-naskhah yang mencuba pendekatan kontemporari dan matang, dengan setiap satu naskhah dalam antologi ini mempunyai kekuatan dan kemantapan yang tidak setara. Karya-karya dalam antologi ini juga masih terbelenggu dengan isu-isu Melayu pra-millenia dan kurang mengambil kira pemikiran-pemikiran yang seharusnya semakin kreatif.

Antologi Merentasi Masa karya Yazid Hussein dan Norlila Abdul Ghani menyusur-galur waktu dan saat-saat dan daerah-daerah yang tertinggal dek pembangunan dan hampir meluputkan anak kota yang serba maju dan canggih akan kewujudannya yang penuh nostalgia, bersejarah dan penuh dengan perlambangan-perlambangan suasana, kata dan jati diri. Namun, naskhah ini masih belum berupaya menonjolkan kekuatan pemikiran dan teknik penulisan yang mantap.

Kesimpulannya, tiada sebarang anugerah untuk kategori buku drama.

RENUNGAN

Para juri berkejar dengan waktu untuk menilai dan mendapatkan kata sepakat terhadap 57 naskhah drama dan 3 buah buku drama yang diutarakan. Mujur 3 buku drama yang diutarakan untuk penilaian, dapat kami jadikan landasan asas pertimbangan dan titik tolak perbicaraan, perbincangan, telahan dan pegangan kami terhadap karya-karya yang dinilaikan.

Kami berpendirian bahawa sastera seharusnya memainkan peranan penting di samping peka menyulami dan mengambil kira pemikiran-pemikiran yang lebih kreatif dalam karya-karya drama Singapura. Jikalau bangsawan mampu mengekal seni budaya bangsa melalui keindahan kata-katanya yang penuh adab dan kesantunan budi bicara masyarakat Melayu/Islam, mengapa tidak drama-drama kita mengambil iktibar dari bangsawan itu sendiri untuk mengadunkan modenisasi dan pusaka warisan bangsa yang kaya dengan kehalusan budi bicara dalam mentakrif kehidupan yang nyata dewasa ini ke alam lakonan – sebagai perwajahan yang memertabatkan kedaulatan bahasa ibunda.

Laluan peningkatan apa jua karya kreatif tiada batasan. Sudah tiba masanya para juri (Drama) membuat kenyataan, ibarat ubat yang pahit ditelan, tetapi penawar buat jangka panjang, bahawa penghayatan karya yang lebih dinamik, kreatif dan progresif amat dinanti-nantikan. Karya-karya sedemikian, sekalipun terkambus dek sejarah, akan tetap digali dan dibongkar, walau ditelan waktu. Ia tetap akan menjadi khazanah tulen, asli, murni dan luhur sebagai melambangkan jiwa-raga pusaka bangsa Melayu/Islam.

Para juri telah berulang-fikir dan pertimbangan, sebelum membuat kata-putus dan penentuan sebaik mungkin. Dengan ikhlas, pertimbangan kami dibuat dengan luhur kerana ingin melihat "sastera Tanah Air" dalam apa juga genre, lebih-lebih lagi drama memainkan peranan yang penting. Yang demikian, panel penilaian telah sebulat suara

menetapkan bahawa tiada satu pun karya dari 5 genre yang diutarakan (57 naskhah eceran dan 3 buku drama) layak menerima Anugerah Persuratan.

Semoga buah fikiran kami yang luhur dan ikhlas, serta keputusan kami, yang tidak terlepas dari salah dan silap, diterima baik oleh semua pihak. Insya-Allah.

Panel Penilai:

Nadiputra (Ketua)
Noor Effendy Ibrahim
Aidli Mosbit

Penulisan esei/kritikan adalah sebahagian daripada dunia persuratan yang tentu sahaja memerlukan kepakaran penulisan dan pendedahan kepada pembaca umum. Semua tradisi keilmuan, kebudayaan dan kesenian dunia, baik pada era klasik atau moden, memiliki cabang penulisan esei dan kritikan. Di rantau kita, tidaklah menghairankan apabila barisan penulis-penulis besar juga menjadi jagoh dalam penulisan esei/kritikan. Sebut sahaja Sutan Takdir Alisjahbana, Pramoedya Ananta Toer, Mochtar Lubis, Goenawan Mohamed, Kuntowijoyo dan Seno Gumira Adijarma, kita akan terpanggil membaca esei/kritikan mereka selain karya-karya cereka mereka. Begitupun dari Malaysia, hasil ilham dari Keris Mas, Usman Awang, Shahnon Ahmad, Muhammad Hj Salleh, Baha Zain adalah antara penulis cereka yang tidak kalah juga dengan penulisan esei/kritikan. Di tanah air kita, Masuri S N dan Suratman Markasan merupakan antara dua nama yang boleh disebut.

Esei/Kritikan Sastera adalah genre yang memerlukan ketukangan pemikiran intelektual dan imaginasi kreatif, serta komitmen dalam mengangkat sesuatu topik atau isu. Esei sebagai suatu genre tersendiri adalah ketukangan khas yang memerlukan daya kritik yang termuat imaginasi, ilmiah, perenungan, lalu diadun menjadi hujah yang padu bentuknya dan utuh intinya. Kritikan pula adalah pembedahan dan pengupasan objektif yang tidak dapat tidak harus ditandai dengan pertimbangan etika dan sentuhan bentuk yang jelas, patut dan padat.

Dunia persuratan tidak akan tersempurna sekiranya komponen esei/kritikan sastera tidak terbangun. Dari esei/kritikan seperti ini bolehlah kita menjangkakan pengupasan, penghuraian, pengajuan dan penyanggahan sesuatu idea dan pemikiran bertolak dari sebuah kritikan karya. Namun, tahap mutu yang ada di tempat kita masih belum memberangsangkan, dan terpanggil pula kita membangunkannya.

Tahun ini panel juri telah menerima 22 esei/kritik dalam bentuk eceran dan satu naskhah dalam bentuk kumpulan, yang telah ditulis oleh 7 orang penulis, untuk dinilai. Menerusi kesepakatan juri pengadil, kami memutuskan untuk memberikan tiga esei/kritikan bagi Anugerah Persuratan. Tanpa mengikuti urutan penilaian, naskhah-naskhah tersebut adalah seperti berikut:

(a) "Di antara 'Ini Nasi Yang Kusuap' dan 'Air Yang Kuminum'" oleh Anuar Othman yang terbit dalam *Berita Harian*, 12 Mei 2013
(b) "Manifestasi Singapura dalam novel *Patah Sayap Terbang Jua"*, oleh Yazid Hussein termuat dalam *Berita Harian*, 21 April 2014
(c) "Pemikiran latar belakang perkembangan sastera" oleh Ciung Winara yang tersiar dalam *Berita Harian,* 13 Jan 2014

Pemilihan ini berdasarkan kriteria umum dan spesifik. Kriteria umum tentu sahaja berdasarkan kepada butiran-butiran yang telah disepakati, yakni (a) menonjolkan

pemilihan subjek yang relevan dan memancarkan idealisme pemikiran ; (b) kekuatan dalam pendefinisian subjek, analisis yang rasional dan terarah ; (c) memberikan pengalaman dan idea bernas dengan teknik yang kemas, dan (d) mempunyai organisasi yang sistematik.

Mencapai mutu penulisan esei/kritikan tentu sahaja tergantung kepada kriteria yang lain seperti kemampuan penulis mengkedepan bahan dan hujah yang relevan sehingga membawa pembaca untuk berfikir selanjutnya, selain menyuntik kesadaran.

Kita juga maklum bahawa esei yang kontemplatif/kritis terkandung di dalamnya penyuguhan dan penyanggahan, bahawa isinya dapat dipertahan dalam rentas waktu yang panjang, selain ia jelas dan jernih dalam pengungkapannya. Sanggahan kritis, sering juga diselitkan ajuan hujah yang alternatif, manakala komitmen dan pendirian sang penulis terpancar jelas. Yang penting, esei/kritikan itu bukan sekadar ulasan buku, bukan jugan laporan jurnalistik, bukan kertas kerja ilmiah mahupun teks kekhutbahan.

Jelasnya, kami mendapati bahawa kriteria yang tersebut di atas sukar diketemui secara utuh dan konsisten. Dari jumlah senarai karya untuk dinilai tidaklah begitu banyak sebagaimana dijangkakan seawalnya, sekaligus menunjukkan ia suatu bidang yang belum terbangun dengan cergas dan meluas di tempat kita. Tambah lagi dari ruang akhbar yang tentunya terhad, menjadikan bentuk esei/kritikan terbatas untuk menampung hujah yang lebih substantif. Makanya harus ada wadah selain akhbar agar esei/kritikan akan dapat tertampung dengan baik di hari muka (Contohnya menerusi jurnal atau majalah khas di negara kita). Rata-rata kami dapati esei/kritikan telah dikupas dengan agak sederhana tanpa ada hujahan baru, serius dan kritis. Namun begitu, dari tiga karya yang terpilih kami dapat menyimpulkan penghargaan seperti berikut.

Anuar Othman dalam esei kritikan menjurus kepada pola perbincangan sastera bandingan yang sememangnya jarang kita diketemukan hari ini. Ilham karya Masuri, “Ini Nasi Yang Ku Suap”, disejajarkan dengan puisi “Air Yang Ku Minum” oleh Anwar Ridhwan dengan beranggapan pengaruh teks dari karya Masuri ke puisi Anwar tersebut, sebagaimana Masuri juga telah terpengaruh oleh puisi “This Bread I Break” oleh Dylan Thomas. Setidaknyapun, esei ini boleh mengundang minat kita membaca dengan teliti akan puisi-puisi yang disebut dalam esei ini, selain mengingati bahawa pengaruh dalam imaginasi sastera bisa mengundang apa yang didakwa sebagai plagiarisme ataupun menyuntik kekreatifan penulis lainnya.

Esei renungan dari Ciung Winara agak menarik dalam mengungkit persoalan pemikiran dalam dunia sastera, suatu perkara yang walaupun harus mendasar tetapi tidak banyak dibincangkan, dan kalaupun ada masih belum terbangun dengan baik. Kita maklum pemikiran itu seharusnya mendasari keutuhan karya dengan memperlihat kecerdasan akal. Namun, pemikiran bukan setakat ilmu pengetahuan yang diceduk tetapi juga pengalaman kehidupan yang nyata. Pengetahuan yang spesifik atau kepandaian tertentu, yang tersulam dengan kematangan pengalaman tidak dapat tidak melainkan buah pemikiran yang menjadi tanah subur untuk perkembangan taman sastera kita.

Pendedahan karya novel yang jarang mendapat perhatiaan baik ditampilkan dalam esei Yazid Hussein bertajuk "Manifestasi Singapura dalam novel Patah Sayap Terbang Jua", ilham karya A Samad Ismail. Novel yang berkisar tentang Singapura pada zaman pendudukan Jepun. Betapapun esei ini bermirip ulasan tetapi ia dapat menimbulkan persoalan kegetiran perang, kekejaman penguasa tentera Jepun dan bagaimana manusia seni menjadi korbandari kekejaman kekuasaaan itu. Novel ini yang dianggapnya bersifat semi-autobiografik bukan sahaja mencatat pengalaman perang di Singapura, malah mengingatkan tokoh A Samad Ismail yang pernah menempa nama dalam sejarah pergerakan dan penulisan tanah air kita.

Sesungguhnya menulis esei dan kritikan memerlukan pendedahan dan kepandaian yang khas, tetapi berseni dalam mengungkapkan idea secara tuntas dan lancar. Esei/kritikan bukan setakat menulis untuk mengisi ruang. Banyak yang boleh kita timba dari pengalaman para pemikir besar dari rantau kita, mahupun dari khazanah kesusasteraan dunia, seperti dari Leo Tolstoy, Rabindranath Tagore, Taha Hussein, Lu Xun, Vaclav Havel, Ngugi wa Thiongo, dan Edward Said. Pendedahan dan perbincangan tentang esei-esei dari mereka ini (selain karya fiksi) seharusnya menjadi sebahagian daripada usaha kita memperkukuh penguasaan membaca, menilai dan menulis esei/kritikan di tanah air kita, agar penggarapan hujah dapat menelurkan budaya sastera yang manusiawi dan membumi.

Panel Penilai:

Azhar Ibrahim Alwee (Ketua)
Abbas Shariff
Chairul Fahmy

PENGENALAN

Panel juri bidang kajian telah menerima dan menilai sebanyak lapan karya berbentuk eceran dan senaskah buku; kesemuanya karya penulis watan yang telah diterbitkan di Singapura antara tahun 2013 dan 2014. Berikut adalah senarai karya yang dinilai:

1. "Buku dedah peristiwa cerita bahasa Melayu", oleh Ahmad Md. Tahir, terbitan Berita Minggu, 24 November 2013.
2. "Membina sastera Islam di Singapura", oleh T. Ahmad Mohamed, terbitan Berita Minggu, 13 Oktober 2013.
3. "Kenapa lebih satu isteri dipanggil madu...",oleh Mohd Gani Ahmad terbitan Berita Harian, 6 Februari 2014.
4. "Amanah penulis membina masyarakat", oleh Peter Augustine Goh terbitan Berita Minggu, 27 Oktober 2013.
5. "Takjub Melayu pada bakawali", oleh Muhammad Jailani Abu Talib terbitan Berita Harian, 15 Januari 2013.
6. "Jadikan kebahagiaan semasa bekerja prinsip hidup", oleh Sharifah Mohamed terbitan Berita Minggu, 30 Ogos 2014.
7. "Fikiran matang seiring dengan peningkatan usia", oleh Sharifah Mohamed terbitan Berita Minggu, 8 November 2014.
8. "Tiga tanda Melayu Singapura jaya lestari bahasa ibunda", oleh Sharifah Mohamed terbitan Berita Minggu. 27 September 2014

Buku

1. Buku Ilham Spontan: 7 Rahsia dan proses ilmu seni kata dan lagu, oleh Muhd Khair Mohd Yasin terbitan Akademi Anuar Othman: Singapura 2013.

Panel penilai telah menggunakan kriteria penilaian umum dan khusus yang disediakan oleh Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2015. Kriteria khusus untuk bahagian kajian bentuk eceren atau buku adalah seperti berikut:

1. Menunjukkan hasil daripada penyelidikan dan berjaya mengemukakan subjeknya secara analitikal, sistematis dan kritis.
2. Kaedah/metodologi yang jelas dan sesuai.
3. Memperlihatkan penguasaan penulisan secara akademik dan ilmiah.
4. Menyerlah dapatan dan memancarkan keyakinan dan memperlihatkan teori, rangka teori atau rangka kerja
5. Komposisi teks, rujukan dan teknik penulisan yang boleh dipertanggungjawabkan
6. Keindahan estetika (aesthetic beauty)
7. Sama ada hasil kerja individu atau himpunan karya oleh penulispenulis yang berlainan, kesatuan tema dan idea utamanya jelas dan jitu.

PENILAIAN

Bahagian Eceran

1. "Buku dedah peristiwa cerita bahasa Melayu" karya Ahmad Md Tahir

Karya ini berbentuk ringkasan atau ulasan buku bagi buku bertajuk Ceritera Bahasa yang ditulis oleh Prof. Awang Sariyan. Ringkasan buku ditulis dalam bentuk huraian kepada buku. Penulis telah dapat memberikan huraian yang baik dan agak komprehensif dan sistematik. Walaupun subjek yang relevan dikupas dengan kecekapan yang kemas, penulisan lebih berbentuk kupasan isi buku tanpa banyak analisis, penilaian atau kritikan.

2. "Membina sastera Islam di Singapura" karya T. Ahmad Mohamed

Penulis mengetengahkan idea untuk mengumpulkan karya sastera Islam dan telah menghuraikan perkembangan sastera Singapura dalam tahun-tahun selepas perpisahan Singapura dari Malaysia. Beliau juga menyentuh era kebangkitan Islam yang pesat dalam era 70-an hingga 90-an tetapi kurang memberi penjelasan atau perbincangan tentang skop kajian. Penulis mengemukakan berbagai-bagai idea membuatkan usulan beliau untuk menilai karya sastera Islam kurang menyakinkan. Juga, tidak dijelaskan tentang keperluan atau motivasi untuk menggalakkan sastera Islam di Singapura. Perbincangan kurang meyakinkan. Sebuah esei yang kurang mantap dan tidak berjaya menjangkau tema yang dicita-citakan oleh tajuk.

3. "Kenapa lebih satu isteri dipanggil madu..." karya Mohd Gani Ahmad

Perbincangan etimologi yang utuh dan dikaitkan dengan teks sastera klasik dan dapat menukil berbagai-bagai sumber kesusasteraan Melayu untuk meneliti kekata 'madu'. Diberikan pula ringkasan perkataan 'madu' yang mengandungi 'makna sampingan' yang 'dikhuatiri para isteri'. Kajian beliau yang menyeluruh dan stail penulisan yang menarik dapat menyampaikan mesej yang bernas, mantap dan mendalam. Stail penulisan juga diimbangi dengan nada lucu dan sindiran yang tajam.

Panel juri bersetuju yang tulisan ini agak menyerlah dan memenuhi kebanyakan kriteria bahagian kajian. Gaya penulisan Mohd Gani menyerlah dan memancarkan keyakinan dan memperlihatkan olahan penulisan yang mantap. Pada pendapat panel, penulis ini wajar dipertimbangkan untuk Anugerah Persuratan bahagian kajian.

4. "Amanah penulis membina masyarakat" karya Peter Augustine Goh

Karya ini lebih menjurus kepada kata-kata nasihat bagi pembaca dan sasterawan tentang gejala menjadi tamak dan lupa diri. Perbincangan tidak mendalam dan bersifat arahan. Gaya penulisan tidak menepati bentuk kajian. Kesalahan ejaan (semasa mencetak contohnya 'berbuatan mungkar' p.3: ayat 4; Hassan Al-bara -ejaan betul Hassan Al-bana atau Al-bara') menjadikan olahan tidak begitu jelas siapakah yang ditukil (lajur

2, ayat pertama). Analisis yang mendatar, kurang mendalam dan nada penulisan yang bercanggah dengan nilai objektif esei kritikan.

5. "Takjub Melayu pada bakawali" karya Muhammad Jailani Abu Talib

Karangan yang menunjukkan keilmian berdasarkan tukilan beberapa teks sastera dan luar sastera melayu seperti syair. Memenuhi syarat-syarat tulisan bukan kreatif. Menjelaskan kepentingan subjek secara sistematis dan meyakinkan. Terdapat kekuatan dalam pendefinisian subjek, analisis yang rasional serta terarah. Menonjolkan pemilihan subjek yang relevan dan memancarkan idealisme pemikiran penulis dengan kemas dan berwawasan.

6. "Jadikan kebahagian semasa bekerja prinsip hidup" karya Sharifah Mohamed

Lebih mengutarakan pendapat penulis daripada analisis logis. Menonjolkan pemilihan subjek yang relevan tetapi pemikiran setakat pendapat pengarang. Tiada analisis yang terarah.

7. "Fikiran matang seiring dengan peningkatan usia" karya Sharifah Mohamed

Artikel yang menekankan tentang peri penting bersikap positif di dalam pekerjaan. Mengesyorkan peningkatan diri melalui proses bekerja akan memanfaatkan diri sendiri. Perbincangan agak kabur dan tidak menjurus kepada isu yang ditimbulkan iaitu isu penuaan. Huraian yang diberikan tidak begitu jelas. Lebih merupakan pengamatan, saranan penulis daripada hujah-hujah logis/ saintifik. Tidak berdasarkan fakta-fakta kajian. Tiada pengolahan bersifat analisis.

8. "Tiga tanda Melayu Singapura Jaya Lestari Bahasa Ibunda" karya Sharifah Mohamed

Ada ciri-ciri penulisan yang sistematik tetapi tidak begitu saintifik, contohnya penulis membuat andaian-andaian yang tidak disokong dengan fakta saintifik atau kajian dari mana-mana pihak. Karya ini lebih merupakan saranan penulis daripada perbincangan logis/saintifik. Kurang idea bernas yang diketengahkan.

Bahagian Buku

1. Buku Ilham Spontan: 7 Rahsia and Proses Ilmu seni kata dan lagu oleh Muhd Khair Mohd Yasin (2013)

Buku ini merupakan luahan yang mempunyai keaslian subjek, inovasi dan kreativiti tetapi pengupasan setiap 'rahsia' yang dilakarkan amat memerlukan pendalaman dan kematangan. Kekuatan dan kemantapan penulisan juga amat berkurangan dalam kumpulan esei ini. Walaupun sebagai penulis lirik, Muhd Khair agak berjaya dan mempunyai banyak pengalaman menarik yang boleh dikongsi tetapi idea bernas dengan teknik yang kemas tidak terserlah dalam buku ini.

Cara penulisan banyak bergantung pada lakaran butiran (point form) dan tidak dapat memartabatkan idealisme pemikiran pengarang dalam esei-esei beliau ini. Terdapat bayang-bayang falsafah dan pegangan pengarang tetapi pendefinisian subjek, analisis yang rasional dan terarah amat kurang dalam penulisan beliau.

Buku ini tidak memperlihatkan kaedah penyelidikan kajian yang jelas atau penguasaan proses penyelidikan yang sistematik dalam menghasilkan karya-karya seni beliau.

Walaupun topiknya amat menarik tetapi isinya tidak disampaikan dengan jelas. Perkembangan dan perbincangan idea-idea tidak selaras dengan tulisan berbentuk kajian.

KEPUTUSAN

Panel juri memilih "Kenapa lebih satu isteri dipanggil madu..." oleh Mohd Gani Ahmad sebagai pemenang bahagian kajian (eceran) kerana petikan ini dapat memenuhi kriteria-kriteria khusus. Perbincangan yang jelas dan menyeluruh juga terarah mempunyai keseimbangan yang dapat mengesan pembaca. Olahan subjek dalam penulisan juga memperlihatkan pemahaman pengarang yang utuh.

KESIMPULAN

Pada keseluruhannya, petikan dan buku yang dihasilkan dalam kategori ini memberi gambaran tentang kebolehan penulis-penulis Singapura membincangkan isu-isu berkaitan bahasa dan keadaan sosio-budaya dari berbagai-bagai sudut. Kebanyakan karya dalam bahagian kajian memperlihatkan kebolehan penulis-penulis mengemukakan pendapat dengan cara yang rasional dan sistematik. Dari segi penyampaian berbentuk kajian, masih banyak boleh diperbaiki dan diperhalusi dari segi kaedah, kerangka teori dan penyampaian karya berbentuk kajian.

Panel Penilai:

Aishah Mohamad Kassim
Lim Beng Soon
Mardiana binte Abu Bakar

Penerima Anugerah Persuratan 2015

ANUGERAH TUN SERI LANANG

Johar Buang

ANUMERTA TUN SERI LANANG

Almarhum Hamid Ahmad

ANUGERAH HARAPAN

Hassan Hasaa'ree Ali

ANUGERAH KHAS

Dr Yang Quee Yee

BAHAGIAN SAJAK

Bahagian Eceran @ $1,000

- "Akhirnya Sebuah Cinta" karya Rafaat Hamzah
- "Amuk" karya Ciung Winara
- "Sandalmu Milikku" karya Kamariah Buang

Bahagian Buku @ $3,500 (kongsi)

- *Genta Cinta* karya Peter Augustine Goh
- *Kastil Aisya* karya Noor Aisya Buang

BAHAGIAN CERPEN

Bahagian Eceran @ $1,000

- "Keretapi" karya Maarof Hj Salleh
- "Kerusi" karya Wan Jumaiah Mohd Jubri
- "Pagar" karya Peter Augustine Goh

Bahagian Buku @ $3,500
Tiada pemenang

Hadiah Penghargaan @ $500

- *Armageddon* karya Yazid Hussein
- *Selamat Malam Ceasar* karya Hassan Hasa'ree Ali

BAHAGIAN DRAMA

Bahagian Eceran @ $1,000
Bahagian Buku @ $3,500
Tiada pemenang

Hadiah Penghargaan @ $500

- Pentas: "NGACO" karya Atin Amat
- Radio: "Riwayatnya Terhenti" karya M Saffri A Manaf
- Televisyen: "BINGIT SR 2 – Aku dan Avatar (Bahagian 2)" karya Wan Firzaleenazrah
- Filem: Tiada pemenang

BAHAGIAN NOVEL

Bahagian Buku @ $3,500

- *Pagi Semerah Daun Momiji* karya Leyla Shuri

BAHAGIAN ESEI/KRITIKAN SASTERA

Bahagian Eceran @ $1,000

- "Di antara 'Ini Nasi Yang Kusuap' dan 'Air Yang Kuminum'" karya Anuar Othman
- "Manifestasi Singapura dalam novel *Patah Sayap Terbang Jua"* karya Yazid Hussein
- "Pemikiran latar belakang perkembang sastera" karya Ciung Winara

Bahagian Buku @ $3,500
Tiada pemenang

BAHAGIAN ESEI/KRITIKAN BUKAN SASTERA

Bahagian Eceran @ $1,000

- "Kenapa lebih satu isteri dipanggil madu..." karya Mohd Gani Ahmad

Bahagian Buku @ $3,500
Tiada pemenang

BAHAGIAN KAJIAN SASTERA

Bahagian Eceran @ $1,000
Bahagian Buku @ $3,500
Tiada pemenang

BAHAGIAN KAJIAN BUKAN SASTERA

Bahagian Eceran @ $1,000
Bahagian Buku @ $3,500
Tiada pemenang

Panel Penilai Anugerah Persuratan 2015



Dr Sa'eda Buang (Ketua Penilai) bertugas sebagai Pensyarah Kanan merangkap Ketua di Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu, dan Penolong Ketua (Melayu) Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia, Institut Pendidikan Nasional (NIE), Universiti Teknologi Nanyang, Singapura.

Puisi dan cerpen beliau termuat di dalam majalah, jurnal dan antologi bersama seperti Jejak Kembara (1979), *Menyeberang Selat (2003), Anugerah Persuratan 2003* dan 2005, *Horison* (2008), *Dari jendela Zaman Ini* (2009), *Beyond the 2nd Link* (2012), *Begitulah Kata-kata* (2013), *Memanah Bulan: antologi cerpen empat negara* (2013), *Singapoetry: an anthology of Singapore poems* (2015), dan *Singapura: kotaku, kampung halamanku* (2015).

Pernah menerima Hadiah Sastera (2003) bagi sajak "Pustakaku dalam Remang Senja". Cerpen "Ke Puncak pun Tidak" juga menerima Anugerah Persuratan (2005) dan pada tahun yang sama, sajak "Malang, Senda dan Citra" turut menerima Augerah Persuratan (Penghargaan). Beliau juga telah menyunting buku *Ode to Masuri* (2012), *Begitulah Katakata* (2013), *The Wanderer* (2015), *Yang Terukir – Bahasa dan persuratan Melayu* (2015), dan *Singathology: 50 new works by Singapore's award-winning writers* (2015). Kini, sebagai Editor Bersekutu untuk jurnal akademik antarabangsa *Asia-Pacific Journal of Education*, dan editor penasihat antarabangsa untuk *International Journal of Islamic Studies and Arabic Language Education, dan Journal of Educational Studies.*



Encik Haji Djamal Tukimin si anak Geyang Serai 69 tahun ini menulis semua genre sastera dari puisi, cerpen, novel, esei, naskhah dan kritikan drama. Pada awal tahun 1970-an Djamal memimpin bersama MIA, Haron Abdul Majid, Elfy Runianto menggerakkan kebangkita satu generasi sasterawan muda. Kebangkitan sasterwawan/penyair muda yang bergabung ini dikenal sebagai Grup Gelorasa yang sering menekan dan menggalakkan eksperimen serta inovasi dalam dunia kepenyairan Melayu demi meningkatkan penghayatan sastera pada umumnya. Selain itu Grup Gelorasa ini juga berjuang untuk sebuah pencarian jati diri dan kewujudan akan nila perjuangan sastera sepanjang akhir tahaun 60-an hingga sepanjang tahun 70-an. Puncak dari silang pendapat dalam pencarian identiti ini terjadilah polemik sepanjang tahun 1972-1973. (Polemik sastera yang selalu tertinggal

dan dilupakan dalam kajian perkembangan sastera Melayu Singapura ini akan diterbitkan oleh DBP, insya'Allah).

Djamal telah menerbitkan tiga buah buku puisi, sebuah novel dan empat buah buku esei.

Djamal Tukimin boleh disorot dari empat sudut. Pertama sebagai seniman menulis karya kreatif, kedua sebagai aktivis seni sastera, ketiga sebagai pengkaji terutama dalam sastera dan teater dan keempat sebagai archivist yang mempunyai sejumlah lima belas ribu judul buku di perpustakaannya.

Sebagai seniman Djamal pernah bertugas sebagai karyawan tamu (visiting fellow) di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 2009-2012.



Puan Kartini Anwar bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang. Kartini banyak membentangkan kertas persidangan tentang kesusasteraan dan isu-isu yang berkaitan. Beliau mengajar kursus-kursus seperti Sastera Melayu Tradisional, Sastera Melayu/Indonesia Moden, Sastera Kanon, Teori Kritikan Sastera, Pendramatisan Teks Sastera, Sastera Kanak-kanak & Remaja dan Pengajaran Sastera Melayu dan sedang mengusahakan sebuah kajian PhD berkenaan sastera Johor-Riau.



Encik Suratman Markasan merupakan seorang penulis prolifik yang kini telah mencecah usia 85 tahun. Beliau mula menulis sejak tahun 1954. Suratman Markasan telah menuntut di SITC (1948-50) dan Universiti Nanyang (1968-71). Beliau mula bertugas sebagai pendidik sejak tahun 1950 hingga 1976, menjadi Nazir Khas Bahasa dan Kesusasteraan, serta Penolong Pengarah, Pengajian Melayu dan Tamil dari tahun 1976 hingga 1981. Sebelum bersara, beliau merupakan pensyarah di Institut Pendidikan Nasional (NIE) dari tahun 1981 hingga 1995. Karya-karya terbaharu beliau termasuk koleksi cerpen *Langau Menyerang Masjid* (2007), *Puisi-puisi Perjalanan* (2010) dan novel *Dunia Bukan Kita Punya* (2011). Karya-karya beliau berbentuk puisi, cerpen, kertas kerja, ucapan serta temu ramah telah

dikumpulkan di dalam buku 4 jilid, *Kembali ke Akar Melayu, Kembali ke Akar Islam* (2013). Beberapa karya beliau juga telah diterjemahkan termasuk novel *Penghulu* (2013) dan koleksi cerpen *Woman in the Black Veil* (2015). Beliau juga pernah dilantik menjadi Penulis Tamu Melayu NUS-NAC pada tahun 2015. Antara anugerah yang diperolehinya ialah Anugerah Penulis Asia Tenggara (1989), Anugerah Montblanc-NUS Centre for Arts Literary Award (1997), Anugerah Sastera Nusantara (1999), Anugerah Tun Seri Lanang (1999), Anugerah Pingat Budaya Singapura (2010) dan Tokoh MASTERA 2014.



Puan Dewani Abbas ialah seorang wartawan di *Berita Harian,* Singapura, sejak 1978 dan kini bertugas sebagai penyunting. Sekitar tahun 1996 beliau menubuhkan Kelab Coretan Remaja (KCR)di bawah *Berita Harian*. Kelab itu bergiat sehingga sekitar 10 tahun dan menjalankan pelbagai aktiviti penulisan, termasuk pertandingan bahas antara sekolah menengah.

Semasa dalam tempoh pembentukan KCR dua buku remaja telah diterbitkan, yakni antologi sajak *Manik-Manik Hijau* dan antologi cerpen Bingkisan. Turut diusahakan oleh anggota kelab itu ialah buku lukisan kartun mereka, *Gerak Khas.*



Dr Razif Bahari merupakan zamil pengkaji (Adjung) di School of English Communication and Performance Studies di Monash University, Melbourne.

Beliau pernah mengajar di Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang (2006-2010) sebagai Profesor Penolong. Di antara hasil tulisan beliau ialah *Pramoedya Postcolonially* (2007). Esei-esei beliau tentang sastera dan kajian pasca-kolonial telah diterbitkan di pelbagai jurnal antarabangsa termasuk *RIMA, SPAN, Contemporary Literary Criticism,* dan *Indonesia* (terbitan Cornell University).



Encik Almahdi Al-Haj bin Ibrahim @ Nadiputra
Penulis, Pengarah, Penerbit Unit Melayu SBC (kini Mediacorp) 1983 hingga 2000.

Penerima Anugerah Pingat Budaya (Cultural Medallion) (Drama) Singapura, 1986.

Penerima Anugerah Tun Seri Lanang, 2013.

Pengarah Urusan Nadivion (menerbit, mengarah, alihsuara, drama-drama radio, televisyen, dokumentari serta iklan). Beliau juga mengendali bengkel-bengkel penulisan, lakonan, arahan radio dan televisyen. Juga sebagai konsultan, pembimbing, dan penerbit untuk Radio Television Brunei (2001 to 2003). Nadiputra telah menghasilkan lebih 300 karya skrip radio, televisyen, teater dan juga puisi. Beliau juga merupakan Naib Pengerusi MAEC Kelab Masyarakat Tampines West, dan aktif sebagai pengurus Koir Harmoni Orkid Kelab Masyarakat Tampines West, pembimbing bengkel Drama Teater 2000 – Kelab Masyarakat Tampines West, dan ahli Jawatankuasa Panel Rujukan Film (Film Consultative Panel, MDA) Singapura.



Cik Aidli 'Alin' Mosbit memegang ijazah dalam bidang drama dari Queensland University of Technology (Australia). Aidli menulis, mengarah, berlakon, mengajar, mereka pencahayaan dan busana. Beliau juga telah membina dan menjalankan program pendidikan seni untuk sekolah-sekolah. Beliau telah bekerja rapat dengan banyak syarikat teater tempatan seperti The Necessary Stage, Teater Kami, Wild Rice, Cake Theatre, Toy Factory, The Theatre Practice, Teater Ekamatra dan Drama Box. Bersama-sama Noor Effendy Ibrahim dan Alfian Sa'at, Aidil menerbitkan naskhah antologi drama Melayu, Bisik. Beliau juga adalah pengamal Teater Forum yang berpengalaman. Beliau telah menjelajah ke Scotland, Australia, Malaysia, Indonesia, Romania, Hong Kong dan Hungary untuk mempersembahkan teater jenama Singapura. Aidli adalah Pengasas/Pengarah kumpulan Panggung Arts dan penerima Anugerah Artis Muda untuk Teater pada 2008. Beliau kini bertugas di Politeknik Temasek sebagai Ketua Bahagian Seni, di jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, sambil mengejar ijazah Sarjana dalam Pendidikan.



Encik Noor Effendy Ibrahim memperolehi ijazah Sarjana Muda dalam Seni Halus dari Sekolah Institut Seni Chicago (2000, IL, Amerika Syarikat), dan Sarjana Seni dalam Amalan Kontemporari daripada Akademi Seni Halus Nanyang-Universiti Huddersfield (2007, Singapura).

Beliau pernah menerima Anugerah Budaya Yayasan Singapura Dewan Perniagaan dan Industri Jepun (JCCI) pada 2007, dan dilantik sebagai ahli Lembaga Majlis Seni Kebangsaan Singapura dari 2004 hingga 2006 (penggal ke-7) dan juga telah menduduki beberapa jawatankuasa dan panel perunding tentang seni dan budaya di Singapura.

Beliau juga pernah bertugas sebagai Pengarah Artitisk di The Substation, ruang seni kontemporari bebas pertama Singapura, dan juga sebagai Pengarah Artistik untuk Teater Ekamatra, sebuah syarikat Teater Melayu kontemporari yang berpangkalan di Singapura, dari 2001 hingga 2006.

Sebagai seorang artis antara disiplin, Effendy telah mencipta persembahan-persembahan dan projek-projek seni, di samping pernah bekerja bersama kumpulan-kumpulan seni seperti Teater Kami, Teater Ekamatra, Cake Theatrical Productions, spell#7, dan Maya Dance Theatre.



Encik Isa Kamari menerima S.E.A. Write Award (2006), dan Pingat Budaya (2007) yang merupakan anugerah tertinggi seni negara daripada pemerintah Singapura. Pada 2009, Isa menerima Anugerah Tun Seri Lanang daripada Majlis Bahasa Melayu, Singapura.

Isa Kamari meraih ijazah Sarjana Muda Senibina (Kepujian), Universiti Nasional Singapura pada 1989 serta Sarjana Falsafah Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 2008. Kini, beliau menjawat Pemangku Pengarah Senibina di Penguasa Pengangkutan Darat, LTA, di Singapura.



Prof Madya Dr Hadijah Rahmat adalah Timbalan Ketua Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang Singapura. Beliau mendapat ijazah Phd dari School of Oriental and African Studies (SOAS), Universiti London (1996) dan terpilih sebagai Sarjana Pelawat Fulbright di Universiti California Berkeley, Library of Congress, Washington DC dan Universiti Harvard, USA, dari November 2002 hingga Mei 2003. Beliau adalah Timbalan Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dan Anggota Penasihat Perpustakaan Negara Singapura (NLAC).

Buku-buku yang dihasilkannya termasuk: *Sastera dan Manusia Melayu Baru – Kumpulan Esei dan Wawancara* (1998); *Munsyi, sebuah drama sejarah, berdasarkan autobiografi Abdullah bin Sheikh Abdul Kadir Munshi* (1998); *Di Tengah Alam, antologi Puisi* (1998); *Antara Dua Kota - Mengesan Jejak-jejak Peninggalan Munsyi Abdullah di Melaka dan Singapura* (1999); *In Search of Modernity: A Study of the Concepts of Literature, Authorship and Notions of Self in 'Traditional' Malay Literature* (2001); *Mengukir Air Di Pesisir* (2005); *Kilat Senja- Sejarah Sosial dan Budaya Kampung di Singapura* (2005); *dan Peranan dan Perkembangan Sastera kanakkanak Melayu* (2006). *Beliau juga menjadi editor buku-buku: Rhythmes: A Singaporean Millennial Anthology of Poetry* (2000); *Selves - Jati Diri-Citra Seni Di Singapura* (2002); *Anak Bumi, Citra Minda, Projek X, Prisma Pentas, Potret Diri Seorang Penyair dan Gelombang Kasih, Siri Karya Anugerah Persuratan Singapura* (1993-2001), *MBMS* (2003, 2004); *The Last kampong Mosque in Singapore – The Extraordinary Story and Legacy of Sembawang* (2007), *Burung Kenek-kenek /The Little Bird* (2010), *Bunga Kasih Ibu/Mom's Bouquet of Love dan antologi puisi Kurnia Alam* (2013).



Dr Azhar Ibrahim Alwee ialah zamil pelawat di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura. Beliau meraih ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah dari Jabatan yang sama pada tahun 2002 dan 2008.

Antara bidang kajian yang beliau ceburi ialah sosiologi agama, sosiologi sastera, isu-isu literasi kritis dan pembangunan intelektual Melayu-Indonesia. Beliau banyak menghasilkan esei dan kajian berkenaan kesusasteraan, pemikiran dan sosiologi agama yang diterbitkan di pelbagai jurnal tempatan dan antarabangsa.



Dr Hj Abbas Mohd Shariff memperolehi ijazah Ph.D. dari Universiti Teknologi Nanyang dalam bidang Linguistik Perbandingan, ijazah Doktorandus (Drs.) dalam bahasa dan sastera dari Universitas Nasional Indonesia dan memperoleh MA dalam bidang pendidikan dari Universiti Hull, United Kingdom. Selain daripada ijazah-ijazah tersebut beliau juga mempunyai sijil-sijil berikut: Sijil Pengajaran Bahasa Kedua (Certificate in the Teaching of Second Language) dari Universiti Massey, NewZealand; Sijil Terjemahan Lanjutan (Certificate in Advanced Translation) dari Regional English Language Centre (RELC) Singapore; Sijil Pengajian Islam dari Universitas Syeikh Yusuf, Indonesia.

Kini, beliau bertugas sebagai pensyarah sambilan di NIE, Universiti Teknologi Nanyang dan di UniSim setelah bersara sebagai Penolong Profesor di Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang.

Beliau dianugerahkan Pingat Pentadbiran Awam (Gangsa) oleh pemerintah Singapura pada tahun 1984. Pada tahun 2004, beliau merupakan seorang daripada yang mendapat anugerah *'Teacher of the Year' dari Universiti Teknologi Nanyang. Beliau telah menghasilkan beberapa buah buku termasuk Budaya dan Falsafah Orang Melayu; Strategi Pengajaran & Pembelajaran Bahasa; Adab Orang Melayu, dan Nilai.*



Encik Chairul Fahmy Hussaini bertugas sebagai wartawan di Berita Harian (Singapura) sejak 2000. Beliau juga dikenali menerusi nama pena, Alang Budiman. Chairul Fahmy adalah lulusan Sarjana dalam Perhubungan Antarabangsa dari Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Singapura, dan sarjana muda kesusasteraan dalam bidang perhubungan massa dari RMIT University, Australia.

Sepanjang kerjayanya, beliau telah memenangi beberapa anugerah kewartawanan termasuk Anugerah Berita Terbaik Tahunan 2003 dan Anugerah Khas Kecemerlangan 2010 yang dianugerahkan Singapore Press Holdings, syarikat media utama di sini. Beliau juga telah dicalonkan untuk Anugerah Berita Video Terbaik 2014, Anugerah Berita Terbaik 2011 dan Anugerah Khas Kecemerlangan 2008 Singapore Press Holdings.

Selama penglibatannya dalam dunia persuratan, beliau telah memenangi pelbagai anugerah sama ada menerusi penyertaan atau pencalonannya dalam pertandingan kesusasteraan anjuran pertubuhan-pertubuhan setempat. Antaranya termasuklah: Deklamator Terbaik (Kamus, 1993), Pemuisi Terbaik (Festival Teater Remaja, Kemuning, 1994) dan Anugerah Merit (Cerpen, Bulan Bahasa, 2001). Selain itu, hasil karya-karya beliau juga terpilih untuk disertakan, antaranya, dalam antologi *Di Bawah Langit Tanah Pertiwi* (Angkatan Sasterawan '50, 2015); *Lambaian Nusantara Dari Kota Singa* (Pertemuan Penulis Nusantara VII, 2014); *Potret Puisi Melayu Singapura* (Taman Warisan Melayu, 2014); *Manik-Manik Hijau* (Berita Harian, 1995) *dan Prisma Seni* (Perkumpulan Seni, 1995).

Chairul Fahmy menganggotai Kumpulan Angkatan Muda Sastera (Kamus) dan Perkumpulan Seni (PS) dan merupakan anggota Jawatankuasa Bulan Bahasa, Majlis Bahasa Melayu Singapura dan salah seorang anggota panel penilai bagi Hadiah Sastera Singapura 2014.

Dalam bidang kerjaya, beliau juga merupakan mantan penerbit dan penyiar radio untuk kedua-dua stesen MediaCorp Radio – Warna 94.2FM dan Ria 89.7FM.



Dr Aishah Mohd Kassim ialah konvenor dan pensyarah Program Bahasa Melayu di Pusat Pengajian Bahasa (Centre for Language Studies), Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), Universiti Nasional Singapura (NUS).


Beliau berpengalaman mengajar Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan bahasa asing di NUS. Beliau giat dalam penyelidikan pedagogi dan penguasaan bahasa, sosiolinguistik bahasa dan pendidikan. Dr. Aishah memiliki Ijazah Sarjana Muda (NUS) serta Diploma Pendidikan dari Institiut Pendidikan (NIE, Singapura). Beliau juga menerima Ijazah Sarjana Pendidikan (Pembangunan Kurikulum) dari Universiti Glasgow (UK) dan kemudian mendapat Ijazah Doktor Pendidikan dari Universiti Australia Barat (Universiti Western Australia) selepas menamatkan penyelidikan beliau tentang pengajaran bahasa ibunda di Singapura.



Profesor Madya Dr Lim Beng Soon merupakan Ketua Jabatan Sastera dan Bahasa Melayu di Universiti Singapore Institute of Management (SIM) di Singapura. Bidang kajian utama beliau ialah Pragmatik, terutamanya Kesantunan Melayu dan Inggeris dan wacana pertuturan, Penterjemahan, Bahasa-bahasa Perhubungan dan Linguistik Terapan.

Sebelum menyertai Universiti SIM, beliau merupakan seorang Profesor Madya di Fakulti Bahasa dan Linguistik di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau telah berkhidmat untuk beberapa tahun sebagai pakar bahasa untuk Pusat Bahasa Serantau Organisasi Pendidikan Menteri-menteri Asia Tenggara (SEAMEO RELC) di Singapura.

Dr Lim menduduki lembaga editorial Jurnal RELC dan editor bersama penerbitan SEAMEO untuk pengajaran bahasa, *Guidelines* bersama Jack C. Richards (2005-2008). Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Penasihat Bakat untuk Persatuan Rakyat (PA) di Singapura, ahli Jawatankuasa Eksekutif untuk Persatuan Linguistik Terapan Singapura.



Dr Mardiana Abu Bakar merupakan seorang pensyarah di Kumpulan Akademik Kurikulum, Pengajaran dan Pembelajaran (CTL), Institut Pendidikan Nasional sejak 2008. Sebelum ini, beliau mengetuai kumpulan pengkaji di Pusat Perkembangan Pendidikan di Politeknik Republik.

Dr Mardiana telah menamatkan pengajian Doktor Falsafah beliau di bawah kelolaan CTL setelah berada di Universiti Negeri New York buat seketika. Sebelum ke New York, Mardiana merupakan sebahagian daripada kumpulan pengasas Pusat Kajian dalam Pedagogi dan Amalan (CRPP) di Institut Pendidikan Nasional dan melakukan kerja lapangan untuk mengumpulkan data awal bagi Skim Pengekodan Pedagogi Singapura di sekolah-sekolah rendah dan menengah serata Singapura pada tahun 2004. Beliau merupakan penulis utama laporan awal mengenai pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di sekolah-sekolah Singapura untuk Pusat tersebut pada tahun 2005. Laporan awal ini bertajuk, "Satu analisis awal data dari Skim Pengekodan Pedagogi Singapura" *(Technical Report)*. Beliau juga terlibat dengan projek awal mengenai kurikulum Normal Teknikal bersepadu di sebuah sekolah menengah kejiranan untuk CRPP pada tahun 2005.

Bidang kajian dan pengajaran beliau termasuk sejarah dan pembaharuan kurikulum, sosiologi kurikulum, teori dan reka bentuk kurikulum, serta kajian pendidikan dan pembelajaran berdasarkan-masalah, latihan berfikir dan pendidikan nilai. Beliau baru-baru ini telah bekerjasama di dalam sebuah kajian etnografik projek PERI yang ditugaskan oleh MOE dan baru sahaja selesai tugasannya sebagai seorang Penyiasat Utama dalam sebuah projek bandingan mengenai Inovasi Kurikulum di Sekolah.

Sebelum menempah kerjaya di bidang pendidikan, Mardiana pernah menjadi penulis rencana (feature writer) di akhbar *The Straits Times*, Singapura.

Panel Penilai

ANUGERAH TUN SERI LANANG,

ANUMERTA TUN SERI LANANG,

ANUGERAH HARAPAN &

ANUGERAH KHAS

Prof Madya Dr Faishal Ibrahim

Encik Yatiman Yusof

Prof Madya Dr Hadijah Rahmat

Encik Mohd Raman Daud

Dr Sa'eda Buang

Encik Hassan Salleh

Encik Ibrahim Hassan

Encik Tajudin Jaffar

Encik Juffri Supa'at

Menjunjung Budi

Puan Grace Fu, Menteri Kebudayaan, Masyarakat Dan Belia

Kementerian Kebudayaan, Masyarakat Dan Belia (MCCY)

Lembaga Warisan Negara (NHB)

Lembaga Perpustakaan Negara (NLB)

Majlis Seni Kebangsaan (NAC)

Berita MediaCorp

Televisyen Suria

Berita Harian/Berita Minggu

Radio Warna 94.2Fm

Radio Ria 89.7Fm